



DASAR PERHUTANAN MALAYSIA



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI



FRIM, Selangor
Sumber: MTC



Cetakan Pertama 2021

Hak cipta Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kementerian Tenaga dan Sumber Asli terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

Wisma Sumber Asli

No.25 Persiaran Perdana

Presint 4, 62574 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +603 8000 8000 / Fax : +603 8889 2672

Email : webmaster@ketsa.gov.my

Rekabentuk dan Susun Atur

Koyak Kreatif Venture

Dicetak di Malaysia oleh

Koyak Kreatif Venture

1-A-1, Jalan Amaniah Mulia 1

Taman Amaniah Mulia

68100 Batu Caves, Selangor, Malaysia

Dasar Perhutanan Malaysia dan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Jemaah Menteri pada 11 November 2020 dan Mesyuarat Majlis Tanah Negara Ke-78 pada 29 Januari 2021

Dasar Hutan Sabah telah diluluskan oleh Kabinet Negeri Sabah pada 1 Ogos 2018


Dasar Hutan Sarawak telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Sarawak pada 12 Disember 2019


Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Dasar Perhutanan Malaysia

ISBN 978-967-0250-40-3





DASAR PERHUTANAN MALAYSIA





Hutan Simpan Machinchang, Kedah
Sumber: JPSM



ISI KANDUNGAN

DASAR PERHUTANAN MALAYSIA	
LATAR BELAKANG	2
Jenis-Jenis Hutan	2
URUS TADBIR HUTAN	
Majlis Tanah Negara	5
Semenanjung Malaysia	5
Sabah	5
Sarawak	5
KEPERLUAN UNTUK MEWUJUDKAN DASAR PERHUTANAN MALAYSIA	6
ELEMEN-ELEMEN UTAMA DASAR	
Kenyataan Dasar	8
Rasional Dasar	9
Objektif	11
PELAKSANAAN DASAR	12
LAMPIRAN	
DASAR PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	15
DASAR HUTAN SABAH	67
DASAR HUTAN SARAWAK	93

AKRONIM

CBD	<i>Convention on Biological Diversity</i> (Konvensyen Kepelbagaian Biologi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu)
CFS	<i>Central Forest Spine</i>
CTT	Catuan Tebangan Tahunan
CoC	<i>Chain of Custody</i> (Pensijilan Rantaian dan Penjagaan)
CSO	<i>Civil Society Organisation</i> (Pertubuhan Masyarakat Sipil)
DFR	<i>Deramakot Forest Reserve</i> (Hutan Simpan Deramakot)
DHS	Dasar Hutan Sabah
ERT	<i>Endangered, Rare & Treathened</i> (Sangat Terancam, Jarang Ditemui dan Terancam)
FDS	<i>Forest Department of Sarawak</i> (Jabatan Hutan Sarawak)
FMC	<i>Forest Management Certification</i> (Sijil Pengurusan Hutan)
FMP	<i>Forest Management Plan</i> (Rancangan Pengurusan Hutan)
FMU	<i>Forest Management Unit</i> (Unit Pengurusan Hutan)
FSC	<i>Forest Stewardship Council</i>
GHG	<i>Green House Gases</i> (Gas Rumah Hijau)
GTZ	<i>German Agency for Technical Cooperation</i> dan sekarang dikenali sebagai GIZ (<i>German Corporation for International Cooperation</i>)
HCV	<i>High Conservation Value</i> (Kawasan Konservasi Bernilai Tinggi)
HoB	<i>Heart of Borneo</i>
HSK	Hutan Simpanan Kekal
HTK	Hutan Tanah Kerajaan
ICT	<i>Information and Communication Technology</i> (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)
ITTO	<i>International Tropical Timber Organizations</i> (Pertubuhan Kayu-Kayan Tropika Antarabangsa)
IUCN	<i>International Union for Conservation of Nature</i>
JPSM	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
JPN	Jabatan Perhutanan Negeri
LEAP	<i>Land Empowerment Animals People</i>
MC&I	<i>Malaysia Criteria & Indicators</i>
MRV	<i>Monitoring, Reporting & Verification</i> (Pemantauan, Pelaporan dan Penilaian)
MTN	Majlis Tanah Negara
MTC	<i>Malaysian Timber Council</i> (Majlis Kayu-Kayan Malaysia)

MTCS	<i>Malaysia Timber Certification Scheme</i> (Skim Pensijilan Kayu Malaysia)
MTCS-PEFC	<i>Malaysian Timber Certification Scheme – Programme for the Endorsement of Forest Certification</i>
NFM	<i>Natural Forest Management</i> (Pengurusan Hutan Asli)
NGO	<i>Governmental Organisations</i> (Badan-Badan Bukan Kerajaan)
NNL/NG	<i>No Net Loss/Net Gain</i>
NTFP	<i>Non-Timber Forest Product</i> (Hasil Hutan Bukan Kayu)
NWRC	<i>National Wildlife Rescue Centre</i> (Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan)
OSHM	<i>Occupational Safety & Health Management</i> (Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja)
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia
PES	<i>Payment for Ecosystem Services</i> (Bayaran Perkhidmatan Ekosistem)
PFE	<i>Permanent Forest Estate</i>
PHSB	Pengurusan Hutan Secara Berkekalan
RDC&I	<i>Research, Development, Commercialisation & Innovation</i> (Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi)
R&D	<i>Research & Development</i> (Penyelidikan dan Pembangunan)
REDD Plus	<i>Reducing Emissions from Deforestation and Forest Degradation Plus</i>
RIL	<i>Reduce Impact Logging</i> (Pembalakan Berimpak Rendah)
RLH	Restorasi Landskap Hutan
SDGs	<i>Sustainable Development Goals</i>
SEARRP	<i>South East Asia Rainforest Research Partnership</i>
SFD	<i>Sabah Forestry Department</i> (Jabatan Perhutanan Sabah)
SFM	<i>Sustainable Forest Management</i> (Pengurusan Hutan Secara Berkekalan)
SFMLA	<i>Sustainable Forest Management Licence Agreement</i>
SMS	<i>Selective Management System</i> (Sistem Pengurusan Memilih)
SOP	<i>Standard Operation Procedure</i> (Prosedur Operasi Standard)
TER	Taman Eko-Rimba
TNC	<i>The Nature Conservancy</i>
TPA	<i>Total Protected Area</i> (Kawasan Terlindung Sepenuhnya)
TSI	<i>Timber Stand Improvement</i>
USM	Ulu Segama Malua
WWF	<i>The World Wide Fund for Nature</i>

Prakata

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Malaysia merupakan negara yang amat bertuah kerana memiliki hutan hujan tropika semula jadi yang kaya dengan kepelbagaian sumber biologi. Hutan tropika ini merupakan khazanah negara yang tidak ternilai yang menyediakan habitat semula jadi flora dan fauna, perkhidmatan ekosistem dan produknya. Malaysia komited untuk terus mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara sebagai hutan dan litupan pokok.

Pengurusan hutan secara berkekalan adalah pendekatan holistik yang melibatkan faktor-faktor seperti keseimbangan ekologi, ekonomi dan sosio-budaya yang berkaitan dengan hutan. Ia turut merangkumi aspek perlindungan biodiversiti, ekosistem semula jadi oleh hutan, dan langkah mitigasi beberapa kesan daripada perubahan iklim. Oleh itu, hutan hendaklah dinilai bukan untuk tujuan kayu-kayan semata-mata. Piawaian *Malaysian Criteria and Indicators for Sustainable Forest Management (MC&I SFM)* adalah untuk memastikan hutan diuruskan secara lestari. Pensijilan tersebut adalah proses mengikut kehendak sukarela oleh pihak ketiga yang mengenal pasti dan mengesahkan hutan yang diurus dengan baik.

Dasar Perhutanan Malaysia ini telah dikemas kini selaras dengan komitmen Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, iaitu untuk mencapai pertumbuhan mampan. Hutan yang merupakan sumber asli milik bersama hendaklah dilindungi dan diuruskan menerusi pewujudan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan. Agenda nasional seperti Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok serta inisiatif *Central Forest Spine dan Heart of Borneo* merupakan antara inisiatif untuk terus menggalakkan kerjasama awam dan akan memberi sumbangan signifikan kepada agenda antarabangsa seperti Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) dan *United Nations Decade on Ecosystem Restoration 2021–2030*.

Pengurusan dan pemeliharaan hutan adalah tanggungjawab kolektif Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, hutan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan setiap negeri bertanggungjawab menggubal dasar dan undang-undang perhutanan masing-masing. Kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan hanya terhad untuk memberi khidmat nasihat dan bantuan teknikal, latihan serta menjalankan penyelidikan. Selain itu, Majlis Tanah Negara diwujudkan di bawah Perlembagaan Persekutuan adalah platform untuk Kerajaan Persekutuan dan Negeri berbincang perkara-perkara berkaitan dasar perhutanan dan pengurusan hutan di Malaysia. Pengusahaan hutan pula dikawal selia melalui Catuan Tebangan Tahunan yang diluluskan oleh Majlis Tanah Negara.

Dasar Perhutanan Malaysia merupakan satu bentuk polisi di peringkat nasional berasaskan prinsip-prinsip pemuliharaan sumber asli dan pembangunan sosioekonomi. Saya berasa amat bangga dengan pendekatan inklusif yang diambil dalam pembangunan dasar ini di mana Jabatan-jabatan Perhutanan ketiga-tiga wilayah telah dilibatkan bersama. Keterangkuman dasar-dasar perhutanan ketiga-tiga wilayah meliputi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak menggariskan komitmen bersama ke arah mencapai pembangunan mampan.

Hutan kita, Warisan kita.

TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN
PERDANA MENTERI MALAYSIA

“Malaysia komited untuk terus mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara sebagai hutan dan litupan pokok.”



Kata-kata Aluan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Hutan menyediakan perkhidmatan ekosistem yang utama untuk kesejahteraan manusia dan pembangunan mampan. Hutan memainkan peranan penting untuk mencapai tujuh belas Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) yang ditetapkan di bawah Agenda 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Selain itu, hutan juga merupakan habitat untuk kepelbagaian biologi dan berperanan dalam menangani perubahan iklim. Dalam hal ini, sektor perhutanan turut membantu Malaysia untuk memenuhi obligasi di bawah beberapa perjanjian alam sekitar pelbagai hala seperti Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC), Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Kepelbagaian Biologi (CBD), Forum Hutan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNFF), Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Memerangi Penggurunan (UNCCD) dan Konvensyen tentang Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam (CITES).

Malaysia telah mengemas kini dasar perhutanan sejajar dengan tren baharu dan obligasi-obligasi antarabangsa. Dasar Perhutanan Malaysia telah dirangka berdasarkan prinsip-prinsip pembangunan mampan. Pengurusan Hutan Secara Berkekalan merupakan tema utama yang mendasari dasar ini. Ia akan memastikan aktiviti-aktiviti hutan yang dilaksanakan memberi faedah dari aspek sosial, alam sekitar dan ekonomi, serta mengimbangi pelbagai keperluan untuk pembangunan di samping memelihara dan meningkatkan fungsi hutan.

Dasar Perhutanan Malaysia merupakan satu pencapaian yang signifikan. Ia menggabungkan dasar-dasar perhutanan wilayah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak di samping masih mengekalkan kepentingan setiap wilayah. Dasar ini menunjukkan komitmen semua pihak dalam melindungi, mengurus dan memulihara sumber asli untuk generasi akan datang.

Hutan kita, Warisan kita.

YB Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Hj. Nasarah
Menteri Tenaga dan Sumber Asli

“Hutan memainkan peranan penting untuk mencapai tujuh belas Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) yang ditetapkan di bawah Agenda 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.”





Air Terjun Kooi, Hutan Simpan Royal Belum, Perak
Sumber: Perbadanan Taman Negeri Perak

DASAR PERHUTANAN MALAYSIA

LATAR BELAKANG

Malaysia merupakan sebuah negara tropika yang meliputi kawasan seluas kira-kira 33 juta hektar, yang terdiri dari tiga wilayah; Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Malaysia mengiktiraf sumber hutan semula jadi sebagai sumber yang penting dan berharga dalam menyumbang kepada sosioekonomi negara dan kesejahteraan alam sekitar. Sehingga kini, kita masih mengekalkan komitmen yang dibuat semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992, untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara sebagai hutan dan litupan pokok. Ini termasuk hutan simpanan kekal/ hutan simpan/ hutan kekal/ hutan tanah kerajaan dan kawasan-kawasan perlindungan.

Malaysia komited dalam melaksanakan pengurusan hutan secara berkekalan untuk memastikan negara terus menikmati segala faedah yang diperolehi dari sumber hutan secara berterusan. Sektor perhutanan ditadbir di bawah undang-undang dan peraturan hutan yang ketat supaya sektor ini diurus secara sistematik dan segala aktiviti pengusahasilan mengikuti prinsip amalan perhutanan yang baik. Sehubungan dengan ini, Malaysia

komited untuk melaksanakan pensijilan hutan untuk memastikan pelaksanaan pengurusan hutan negara mengikuti piawaian antarabangsa. Malaysia berjaya melaksanakan pensijilan kawasan hutan di bawah Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS) dan *Forest Stewardship Council* (FSC). Pensijilan hutan ini terus menyokong industri perhutanan dengan memastikan produk yang dihasilkan berasal daripada sumber yang sah dan mampan serta turut mengambil kira aspek alam sekitar, sosial dan ekonomi.

JENIS-JENIS HUTAN

Hutan hujan tropika di Malaysia terdiri daripada hutan paya laut, hutan paya gambut dan hutan darat. Sebahagian besar adalah terdiri daripada hutan darat jenis hutan dipterokarp tanah pamah dan bukit yang sangat kompleks serta kaya dengan pelbagai spesies flora dan fauna. Manakala hutan paya laut terletak di kawasan pantai dan hutan paya gambut di kawasan tanah lembap.







URUS TADBIR HUTAN

Di bawah Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan, hutan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh itu, setiap negeri mempunyai kuasa dan hak untuk menggubal undang-undang dan menguruskan dasar perhutanan di negeri masing-masing. Kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan adalah terhad kepada memberi nasihat, bantuan teknikal, latihan, penyelidikan dan pembangunan dalam sektor perhutanan kepada negeri-negeri.



Anak Pokok Merbau
Sumber: JPSM

Majlis Tanah Negara

Dalam usaha untuk memudahcara penggunaan kaedah umum dan penyelarasan dasar perhutanan, menyeragamkan dasar pentadbiran dan pengurusan sektor-sektor berkaitan perhutanan, Majlis Tanah Negara (MTN) telah ditubuhkan pada 22 Januari 1958 mengikut peruntukan Perkara 91 Perlembagaan Persekutuan. Majlis ini menyelaraskan amalan pengurusan dan penggunaan sumber hutan secara terancang, rasional dan berkesan selaras dengan keperluan untuk memelihara hutan sebagai sumber semula jadi.

Majlis ini membolehkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri berbincang dan meningkatkan kerjasama di dalam sektor tanah, perlombongan dan perhutanan. Keanggotaan MTN terdiri daripada seorang Menteri sebagai Pengerusi, wakil Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh Jemaah Menteri dan jumlahnya tidak melebihi 10 orang dan wakil Kerajaan Negeri yang dilantik oleh Sultan atau Yang Di-Pertua Negeri dan terdiri daripada seorang wakil bagi setiap negeri.

Semenanjung Malaysia

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) bertanggungjawab ke atas pengurusan hutan negeri-negeri di Semenanjung. Ini dikawal selia oleh Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) dan berpandukan kepada Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia 2020.

Sabah

Jabatan Perhutanan Sabah (SFD) bertanggungjawab bagi pengurusan hutan, kawalan operasi peneaian, dan keperluan pembayaran royalti di Negeri Sabah selaras dengan Enakmen Hutan 1968, Kaedah-kaedah Hutan 1969, Enakmen Hutan (Kayu) 2015 dan Dasar Hutan Sabah 2018.

Sarawak

Jabatan Hutan Sarawak (FDS) bertanggungjawab dalam pengurusan hutan dan pentadbiran sumber hutan di Negeri Sarawak. Ini dikawal selia oleh Ordinan Hutan 2015 (Cap.71), Peraturan-Peraturan Hutan dan Dasar Hutan Sarawak 2019.

KEPERLUAN UNTUK MEWUJUDKAN DASAR PERHUTANAN MALAYSIA

Hutan pada masa ini tidak lagi dianggap sebagai sumber untuk pengeluaran kayu-kayan bagi pembangunan sosioekonomi negara semata-mata. Malahan, fungsi perlindungan sumber hutan dalam pemeliharaan kepelbagaian biologi, kestabilan alam sekitar dan pegekalan budaya masyarakat menjadi lebih penting. Pihak kerajaan menyedari pengurusan hutan perlu mengambil perhatian terhadap isu-isu baharu muncul yang sedang dihadapi oleh sektor perhutanan seperti sekuriti air dan makanan, perubahan iklim, kestabilan alam sekitar dan meningkatkan taraf kehidupan. Untuk menanganinya, Malaysia telah mengambil kira perkembangan baharu ini dalam dasar-dasar dan undang-undang berkaitan perhutanan. Dasar ini akan merangkumi pengurusan hutan secara berkekalan, pemuliharaan dan perlindungan kepelbagaian biologi, mitigasi dan adaptasi perubahan iklim, mengaplikasi teknologi perhutanan terkini, memperkasa penyelidikan dan pembangunan serta perkongsian maklumat.

Dari segi pentadbiran, tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak mempunyai dasar dan perundangan sendiri dalam mengurus hutan. Semenanjung menggunakan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993); Sabah menggunakan Enakmen Hutan 1968, Kaedah-kaedah Hutan 1969, Enakmen Hutan (Kayu) 2015 dan

Dasar Hutan Sabah; manakala Sarawak menggunakan Ordinan Hutan 2015(Cap.71), Peraturan-Peraturan Hutan dan Dasar Hutan Sarawak. Memandangkan banyak perkembangan yang berlaku di dalam sektor perhutanan serta komitmen negara dalam perjanjian dan konvensyen di peringkat nasional dan antarabangsa, adalah wajar satu dasar perhutanan untuk Malaysia yang mencakupi kehendak dan kepentingan ketiga-tiga wilayah berkenaan digubal. Ketiga-tiga wilayah digalakkan untuk meningkatkan koordinasi dalam pelaksanaan dasar-dasar perhutanan masing-masing bagi menangani perbezaan keperluan dan kepentingan dalam sektor perhutanan.

Dasar Perhutanan Malaysia telah digubal dengan mengambil kira aspek utama ketiga-tiga polisi perhutanan Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kenyataan, Rasional dan Objektif Dasar dalam Dasar Perhutanan Malaysia adalah bersifat umum dan menjadi rujukan serta panduan bagi ketiga-tiga wilayah dalam menggubal dasar dan strategi di wilayah masing-masing. Penilaian dan semakan semula dasar perhutanan serta perundangan akan dibuat dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa undang-undang dan dasar-dasar adalah selaras dengan perkembangan terkini dalam pengurusan hutan di peringkat nasional dan antarabangsa.



Hutan Simpan Tanjung Tuan, Melaka
Sumber: JPSM


KENYATAAN DASAR

Malaysia mengiktiraf hutan sebagai khazanah warisan negara yang strategik dan komited untuk mengekalkan kawasan hutan yang mencukupi bagi kepentingan perkhidmatan ekosistem, konservasi kepelbagaian biologi, perlindungan alam sekitar dan penggunaan sumber secara berkekalan ke arah pembangunan sosioekonomi negara dan kesejahteraan generasi kini dan akan datang.



RASIONAL DASAR

Kenyataan dasar ini adalah tambahan kepada dokumen dasar yang digubal dan diterima pakai oleh negeri-negeri di semenanjung, sabah dan sarawak selaras dengan peruntukan perlembagaan persekutuan, menyediakan hala tuju bagi pelaksanaan pengurusan hutan secara berkekalan melalui tadbir urus yang baik dan amalan terbaik bagi memastikan sektor perhutanan terus menyumbang ke arah pencapaian pembangunan lestari negara.

A photograph of a tropical stream. In the foreground, a large, gnarled tree trunk lies horizontally across the frame, partially submerged in the water. The water is clear, revealing rocks and pebbles on the stream bed. The background is filled with dense, lush green vegetation, including various types of trees and plants. The lighting is bright, suggesting a sunny day. The overall scene is a natural, undisturbed landscape.

ELEMEN-ELEMEN UTAMA DASAR

Gunung Lansir, Terengganu
Sumber: JPSM



OBJEKTIF

- 1** Memastikan kawasan hutan yang mencukupi diuruskan melalui tadbir urus yang baik dan amalan terbaik untuk konservasi kepelbagaian biologi dan perkhidmatan ekosistem.
- 2** Memelihara, memulih dan mengurus kawasan hutan simpanan kekal atau hutan simpan atau hutan kekal berdasarkan prinsip-prinsip pengurusan hutan secara berkekalan.
- 3** Menjamin sumber bahan mentah yang berterusan dari kawasan hutan asli dan hutan ladang bagi kelangsungan pembangunan industri berasaskan kayu dan bukan kayu.
- 4** Menggalakkan penyertaan masyarakat orang asli, orang asal dan tempatan dalam pemeliharaan, pemuliharaan dan perlindungan hutan.
- 5** Memperkasakan pembangunan kapasiti; penyelidikan, dan pembangunan dan pengkomersialan; dan inovasi termasuk menyediakan sumber manusia dan kewangan yang mencukupi bagi menambahbaik pengurusan hutan dan penggunaan sumber hutan.

PELAKSANAAN DASAR

Kementerian yang bertanggungjawab terhadap perhutanan akan menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar dengan Kementerian-Kementerian Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta pelbagai pihak berkepentingan yang lain dari masyarakat awam, sektor swasta dan penyelidik. Walaupun Kerajaan Persekutuan memacu pelaksanaan dasar ini, bidang kuasa itu hanya terhad kepada memberi panduan dan sokongan kepada negeri-negeri di ketiga-tiga wilayah.

Semenanjung, Sabah dan Sarawak akan menerapkan dasar ini dalam dasar dan peraturan perhutanan negeri masing-masing mengikut keperluan negeri mereka. Sasaran, matlamat dan strategi wilayah masing-masing telah diperincikan dalam Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi negeri-negeri di Semenanjung, Dasar Hutan Sabah untuk Sabah dan Dasar Hutan Sarawak untuk Sarawak.

DASAR HENDAKLAH DIBACA BERSAMA- SAMA DENGAN DASAR-DASAR PERHUTANAN LAIN

Dasar ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan mana-mana dasar bertulis lain yang berhubungan dengan pengurusan hutan iaitu Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia, Dasar Hutan Sabah dan Dasar Hutan Sarawak.

Dasar ini saling melengkapi, dan tidak mengurangkan peruntukan dalam mana-mana dasar lain berkaitan dengan pengurusan hutan yang masih berkuat kuasa.

Tiada apa-apa jua dalam Dasar ini boleh ditafsirkan sebagai mengehadkan hak negeri untuk mengambil tindakan yang berhubungan dengan pengurusan hutan selaras dengan objektif dan peruntukan Dasar ini.



Pulau Berhala Sabah
Sumber: SFD



Gunung Berembun, Terengganu
Sumber: JPSM

DASAR PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA



PENGENALAN

Semenanjung Malaysia amat bertuah kerana diliputi oleh kawasan hutan hujan tropika seluas 5.758 juta hektar iaitu 43.62% daripada jumlah keluasan tanah 13.2 juta hektar. Hutan hujan tropika merupakan kawasan hutan yang amat bernilai dan telah diiktiraf sebagai sebuah ekosistem yang sangat kompleks dan mempunyai kepelbagaian biologi yang paling tinggi. Produk dan perkhidmatan hutan adalah sumber ekonomi penting yang boleh diperbaharui dan diurus secara mampan. Pada masa yang sama, hutan hujan tropika negara telah dikenalpasti di antara yang tertua di dunia dan sangat kaya dengan kepelbagaian biologi sehingga Malaysia diiktiraf antara 12 negara kepelbagaian biologi mega dunia.

Amalan-amalan pemeliharaan, pemuliharaan dan pengurusan hutan yang menitikberatkan aspek-aspek ekologi dan alam sekitar telah digubal untuk menjamin perkhidmatan dan penghasilan sumber hutan yang berkekalan.

Dasar berkaitan perhutanan di Semenanjung Malaysia sebelum ini dikenali sebagai Dasar Perhutanan Negara 1978 yang menggantikan Dasar Perhutanan 1922 dan Dasar Perhutanan Sementara 1952. Dasar Perhutanan Negara 1978 merupakan teras utama dalam memacu pengurusan, pembangunan dan pentadbiran sektor perhutanan dalam pengekalan peranan pentingnya terhadap pertumbuhan ekonomi negara di samping keseimbangan dengan kestabilan alam sekitar dan kesejahteraan sosial. Dasar ini seterusnya telah dipinda pada tahun 1992 bagi menangani isu-isu semasa yang telah dibangkitkan oleh masyarakat antarabangsa ke atas kepentingan pemeliharaan kepelbagaian biologi dan penggunaan sumber-sumber genetik serta peranan masyarakat tempatan dalam pembangunan sumber hutan yang dikenali sebagai Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992).

Sektor perhutanan di Semenanjung Malaysia telah mengalami beberapa perubahan penting sejajar dengan keperluan dunia dalam

pembangunan dan pengurusan hutan secara berkekalan. Fokus ke atas pengurusan hutan bagi tujuan pengeluaran kayu-kayan semata-mata telah diperluaskan bagi merangkumi pengeluaran pelbagai produk dan perkhidmatan hutan termasuk pembekalan sumber air mentah yang bersih, pemeliharaan kepelbagaian biologi, pemeliharaan kualiti alam sekitar, pengawalan banjir dan perubahan iklim. Bagi menangani cabaran-cabaran ini penggubalan dasar baharu yang dikenali sebagai Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia dibuat berasaskan kepada kajian semula yang dijalankan ke atas Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992).

KEPELBAGAIAN BIOLOGI

Sidang Kemuncak Bumi Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1992 telah mendefinisikan Kepelbagaian Biologi atau “biodiversiti” sebagai kepelbagaian antara organisma hidup dari pelbagai sumber dari daratan mahupun samudera dan lain-lain yang melangkau ekosistem akuatik dan sebahagian daripada ekosistem yang kompleks termasuk di dalam kelompok spesies dan antara spesies dan ekosistemnya.





Kepentingan Hutan Kepada Negara



SUMBER HUTAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Sumber hutan di Semenanjung Malaysia terdiri daripada pelbagai jenis hutan iaitu hutan darat, hutan paya gambut dan hutan paya laut. Status tanah hutan meliputi kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), Hutan Tanah Kerajaan (HTK), hutan tanah bermilik dan rezab/kawasan perlindungan lain. Malaysia mengiktiraf sumber hutan sebagai sumber semula jadi yang penting dan berharga yang terus menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara, perlindungan kepelbagaian biologi, pemeliharaan sumber tanah dan air serta kestabilan alam sekitar.

Sumber hutan kini juga dinilai sumbangannya dalam memelihara stok karbon dan seterusnya mengurangkan kesan perubahan iklim secara signifikan. Sehubungan itu, adalah wajar sumber hutan dipelihara dan diurus dengan sebaik mungkin untuk kesejahteraan rakyat dan komuniti global.

HUTAN SIMPANAN KEKAL

Merujuk kepada mana-mana tanah yang dijadikan atau disifatkan telah dijadikan suatu hutan simpanan kekal di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 bagi Semenanjung.

KOMITMEN NEGARA

Komitmen negara untuk memelihara sumber hutannya dapat dilihat dalam kenyataan negara semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992 di mana Malaysia komited untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara sebagai hutan dan litupan pokok, dengan syarat negara maju mengekalkan 30% daripada keluasan tanah negara mereka sebagai kawasan berhutan.

Sektor perhutanan di Semenanjung Malaysia merupakan satu sektor ekonomi penting yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan negara. Sektor ini ditadbir di bawah undang-undang dan peraturan hutan yang ketat untuk memastikan ia diurus secara sistematik dan segala aktiviti pengusahasilan mengikut prinsip amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB). Sehubungan ini, Semenanjung Malaysia komited dalam melaksanakan pensijilan pengurusan hutan untuk memastikan pelaksanaan pengurusan hutan negara mengikut piawaian antarabangsa. Kawasan hutan di Semenanjung Malaysia telah berjaya disijilkan di bawah Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS) dan *Principles and Criteria Forest Stewardship Council* (FSC).

Pembangunan sektor perhutanan juga mengambil kira Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang dilancarkan pada 5 Oktober 2019 memandangkan sumber hutan adalah sumber yang boleh diperbaharui dan termasuk dalam ekonomi hijau. Sektor tersebut dapat dikembangkan dengan lebih banyak produk hiliran dan penggunaan teknologi terkini serta pengagihan pendapatan yang lebih saksama. Di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, sektor perhutanan akan dipertingkatkan dengan penggunaan Data Raya (*Big Data*) serta seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0. Pertumbuhan ekonomi hijau global dijangka akan meningkatkan permintaan untuk produk kayu serta yang berkaitan dengan perkhidmatan dari ekosistem hutan. Penilaian yang lebih tinggi dijangka akan terhasil untuk peranan perkhidmatan hutan dalam perlindungan alam sekitar dan mengurangkan kesan perubahan iklim.



Di peringkat global, sektor perhutanan mempunyai peranan penting dalam *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang telah dipersetujui oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 2015 di bawah Agenda 2030. Sebanyak 17 SDGs telah dibentuk untuk memastikan pembangunan global mengambil kira kelestarian semua aspek termasuk sosial, ekonomi, ekologi dan alam sekitar. Terdapat beberapa SDGs yang berkaitan dengan perhutanan seperti SDG 1 (Basmi Kemiskinan), SDG 2 (Basmi Kelaparan), SDG 3 (Kesihatan Baik dan Kesejahteraan), SDG 6 (Air Bersih dan Sanitasi) dan SDG 13 (Tindakan Iklim). Manakala, SDG 15 (Kehidupan di Darat) adalah didapati yang paling berkaitan dengan kepelbagaian biologi dan PHSB. Penyahutan dan degradasi ekosistem hutan telah dikenal pasti boleh menjejaskan kestabilan alam sekitar dan kesejahteraan kualiti hidup masyarakat. Pengawalan dan pengurangan kehilangan kawasan hutan serta degradasi hutan dibuat secara berkesan melalui urus tadbir dan amalan pengurusan hutan yang baik.

Semenanjung Malaysia terus komited untuk memelihara dan memulihara sumber hutan sebaik mungkin dengan mengambil kira kepentingan rakyat serta tanggungjawab negara yang termaktub dalam perjanjian-perjanjian pelbagai hala antarabangsa yang telah ditandatangani. Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia akan mengukuhkan aspirasi negara untuk memastikan sumber hutan negara dijaga sebaik mungkin untuk generasi akan datang.

HUBUNGAN ANTARABANGSA

Malaysia memainkan peranan yang aktif dalam pelbagai konvensyen dan forum-forum di peringkat antarabangsa. Negara juga telah meratifikasi konvensyen-konvensyen di bawah platform Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang berkaitan dengan perhutanan dan biodiversiti atas faktor kepentingan negara. Antara konvensyen dan platform berkaitan adalah seperti berikut:

KONVENSYEN	OBLIGASI NEGARA
Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNFCCC)	Malaysia komited untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) sebanyak 45% menjelang 2030 sejajar dengan keluaran dalam negara kasar Malaysia 2005. Daripada keseluruhan sasaran pengurangan ini, 35% akan dilaksanakan tanpa syarat (<i>unconditional</i>) manakala baki 10% lagi adalah bersyarat (<i>conditional</i>) dan tertakluk kepada penerimaan peruntukan kewangan, pemindahan teknologi, dan pembangunan kapasiti daripada negara maju. Malaysia telah menggubal Dasar Perubahan Iklim Negara pada tahun 2009.
Konvensyen Kepelbagaian Biologi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (CBD)	Malaysia komited untuk mencapai 3 objektif iaitu pengurusan pemeliharaan, penggunaan mampan dan perkongsian faedah biodiversiti secara adil dan saksama dari sumber kepelbagaian biologi. Malaysia telah melancarkan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (2016-2025) pada tahun 2016.
Konvensyen Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam Fauna dan Flora (CITES)	Malaysia komited untuk memastikan perdagangan spesies terancam fauna dan flora tidak mengancam kelangsungan sumber kepelbagaian biologi serta dilaksanakan secara mampan. Malaysia telah menzahirkan komitmennya melalui penggubalan Akta Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686].
Konvensyen Tanah Lembap (RAMSAR)	Malaysia komited untuk memastikan usaha-usaha konservasi tanah lembap dilaksanakan melalui penyenaraian tanah lembap dalam senarai Tapak Ramsar.

KONVENSYEN	OBLIGASI NEGARA
Protokol Nagoya berkaitan Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi	Malaysia komited untuk mengawalselia akses ke atas sumber biologi dan pengetahuan tradisi berkaitan dengan sumber biologi serta perkongsian faedah secara adil dan saksama daripada penggunaannya. Malaysia telah menzahirkan komitmennya melalui penggubalan Akta Akses Kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 [Akta 795].
Protokol Cartagena mengenai Biokeselamatan kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi	Malaysia komited untuk mengawal selia pelepasan, pengimportan, pengeksporan dan kegunaan terkawal organisma hidup yang diubahsuai bagi tujuan melindungi kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan, alam sekitar dan kepelbagaian biologi. Malaysia telah menzahirkan komitmennya melalui penggubalan Akta Biokeselamatan 2007 [Akta 678].

Selain itu, Malaysia turut terlibat dalam mesyuarat dan forum perhutanan antarabangsa dan serantau antaranya *United Nations Forum on Forests* (UNFF), *The Committee on Forestry* (COFO), *International Tropical Timber Council* (ITTC), *ASEAN Ministerial Meeting on Agriculture and Forestry* (AMAF), *ASEAN Senior Officials on Forestry* (ASOF), *Asia-Pacific Network for Sustainable Forest Management and Rehabilitation* (APFNet), *International Network for Bamboo and Rattan* (INBAR) dan *APEC Expert Group on Illegal Logging and Associated Trade* (EGILAT).



Gunung Chemerong, Terengganu
Sumber: JPSM

Perspektif Perhutanan Semasa Di Malaysia

DASAR DAN PERUNDANGAN

Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan dibaca bersama Senarai II dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hutan adalah di bawah bidang kuasa negeri. Kerajaan Negeri mempunyai hak mutlak ke atas sumber hutan. Di bawah peruntukan ini, Badan Perundangan sesuatu negeri boleh membuat dan menerima pakai sesuatu undang-undang dan peraturan bagi urus tadbir dan pengurusan hal-hal perhutanan di dalam negeri berkenaan. Kerajaan Persekutuan hanya memberikan nasihat dan bantuan teknikal kepada negeri tentang pengurusan dan pembangunan hutan, penyelidikan dan latihan. Dalam hubungan ini, kerjasama rapat di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri mengenai hal-hal perhutanan adalah penting.

PENYELARASAN DI PERINGKAT NASIONAL

Majlis Tanah Negara (MTN) telah ditubuhkan pada 22 Januari 1958 mengikut Peruntukan Perkara 91(5) Perlembagaan Persekutuan dalam usaha untuk memudahcara penyelarasan dan penyeragaman dasar urus tadbir sektor-sektor berkaitan tanah, perlombongan, pertanian dan perhutanan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri melalui perundingan dari semasa ke semasa. Ini adalah supaya segala isu dan masalah yang berkaitan dengan dasar, pentadbiran dan pengurusan perhutanan dapat diselaraskan dan penyelesaian ke atas semua perkara berkenaan dapat dilihat dari segi kepentingan nasional.

URUS TADBIR

Pentadbiran perhutanan di Semenanjung Malaysia terbahagi kepada dua (2) peringkat iaitu Persekutuan dan Negeri, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) adalah bertanggungjawab ke atas pengurusan hutan negeri-negeri. Ini dikawal selia oleh Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) dan sebelum ini berpandukan kepada Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) dan seterusnya Dasar ini.

Di peringkat Persekutuan, JPSM memainkan peranan penting dalam penggubalan dasar dan prosedur yang berhubung kait dengan peraturan serta menyalurkan khidmat nasihat dan teknikal kepada negeri-negeri. Perlaksanaan Pentadbiran dan Pengurusan Hutan di negeri adalah tertakluk kepada Enakmen Hutan Negeri, Kaedah-kaedah Hutan, Enakmen Industri Berasas Kayu dan Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu yang telah diterima pakai dan diwartakan agar pentadbiran perhutanan di peringkat negeri berjalan dengan baik dan lancar.

ISU DAN
CABARAN

Hutan hujan tropika walaupun mempunyai kepelbagaian biologi yang tinggi, juga mempunyai ekosistem yang rapuh dan amat sukar untuk dipulihkan sekiranya ekosistem hutan tersebut diganggu terutama sekali gangguan yang berterusan berbanding dengan hutan-hutan jenis lain. Gangguan yang berterusan akan menyebabkan nilai-nilai yang terdapat di dalam hutan itu akan tergunat serta berkemungkinan menghadapi ancaman kepupusan.

(i) Penyahutanan	Penyahutanan adalah melibatkan pembukaan kawasan-kawasan hutan untuk tujuan bukan perhutanan yang kekal seperti pembangunan pertanian, perindustrian, perlombongan, jalan raya, empangan, perbandaran dan kediaman. Penyahutanan ini sekiranya tidak dikawal akan mendatangkan berbagai kesan buruk kepada sistem ekologi dan kestabilan alam sekitar.
(ii) Kemerosotan Kualiti Hutan	Kemerosotan kualiti hutan adalah berkait rapat dengan kehilangan secara progresif sumber-sumber hutan dalam konteks kepelbagaian spesies dan biojisim. Ini sering kali dikaitkan dengan kemerosotan kualiti komponen berkayu sesuatu hutan dan komponen lain seperti ekosistem terutamanya fauna, tanah-tanah dan air. Penyebab utama penurunan kualiti ini termasuklah eksploitasi memilih terhadap spesies bernilai tinggi, eksploitasi tanpa kawalan, pengusahaan secara berlebihan dan kekerapan kebakaran hutan. Punca-punca lain termasuklah serangan penyakit oleh makhluk perosak, unsur-unsur bencana alam semula jadi seperti kenaikan paras air laut, tanah runtuh dan banjir.
(iii) Pencerobohan dan Penerokaan Haram	Penerokaan dan pencerobohan haram yang berleluasa akan menyebabkan kepupusan flora dan fauna. Aktiviti ini melibatkan pembersihan kawasan- kawasan tanah berhutan dan sekali gus turut memusnahkan habitat flora dan fauna. Di samping itu, pencerobohan dan penerokaan tanah hutan yang tidak dikawal boleh menyebabkan kemusnahan ekologi hutan yang boleh membawa kepada perubahan suhu setempat.
(iv) Pembakaran hutan	Pembakaran hutan yang dilakukan secara terbuka menyebabkan spesies terancam yang terdapat di kawasan tersebut musnah. Secara tidak langsung hidupan dan tumbuhan yang berada di sekeliling hutan berkenaan boleh pupus kerana kehilangan habitatnya. Sikap sesetengah pihak yang lebih gemar mengambil jalan mudah seperti mengamalkan aktiviti ‘tebang, tebas dan bakar’ bukan saja membuatkan satu-satu kawasan hutan lenyap sama sekali, bahkan pembakaran yang tidak terkawal boleh mengakibatkan kebakaran hutan yang serius dan secara tidak langsung menyumbang kepada kepupusan flora dan fauna.

(v) Kemerosotan Kepelbagaian Biologi	Kepelbagaian biologi merujuk kepada kepelbagaian spesies hidupan, ekosistem dan sumber genetik di bumi. Manusia amat bergantung kepada kepelbagaian biologi ini untuk kelangsungan hidup terutamanya bagi mengekalkan persekitaran, perkhidmatan ekosistem dan sumber asli untuk kegiatan ekonomi. Hutan hujan tropika kaya dengan kepelbagaian biologi. Kemerosotan kepelbagaian biologi ini adalah berpunca daripada pelbagai faktor termasuk kehilangan habitat, kemerosotan kualiti hutan, eksploitasi sumber hutan yang berlebihan, pencemaran dan perubahan iklim.
(vi) Perubahan Iklim Bumi	<i>Intergovernmental Panel on Climate Change</i> (IPCC) telah menjangkakan akan berlaku penambahan suhu dunia dalam julat 2°C hingga 5°C berdasarkan kepada kadar pertambahan gas rumah hijau yang berlaku pada masa ini. Gas-gas rumah hijau, terutamanya wap-wap air dan karbon dioksida memainkan peranan penting dalam kitaran suhu dan atmosfera bumi. Tanpa gas-gas tersebut, purata suhu permukaan bumi yang pada masa sekarang +15°C akan menjadi sejuk dengan menurun sebanyak 33°C kepada -18°C dan ini akan menyebabkan bumi menjadi beku. Pada masa ini perhatian dunia adalah lebih tertumpu kepada suhu dunia atau troposfera yang kian meningkat akibat peningkatan kepekatan pelbagai gas rumah hijau terutamanya dalam bentuk karbon dioksida yang telah mengakis lapisan ozon di Kutub Selatan. Fenomena ini telah menyebabkan suhu bumi meningkat, yang mana lama kelamaan, peningkatan suhu bumi ini akan mengakibatkan malapetaka seperti peningkatan aras laut, ekoran peningkatan suhu air serta kecairan pada glasier di Kutub Utara dan Kutub Selatan. Ini akan menyebabkan bencana yang dahsyat seperti banjir besar yang akan menenggelamkan banyak negara.



Paya Bakau Larut Matang, Perak
Sumber: JPSM



Tasik Kenyir, Terengganu
Sumber: JPSM

Prinsip-Prinsip Asas Pengurusan Hutan di Semenanjung Malaysia

PENGURUSAN HUTAN SECARA BERKEKALAN

Pada awalnya, pengurusan hutan di Semenanjung Malaysia adalah berasaskan kepada konsep berkekalan di mana pengusahaan hutan adalah dibuat seimbang dengan kadar tumbesaran hutan tersebut. Konsep ini amat mudah iaitu pengeluaran kayu adalah sama banyak dengan kadar pertumbuhan hutan.

Dengan peralihan permintaan dan kehendak masyarakat umum terhadap pelbagai keluaran dan perkhidmatan hutan, maka konsep berkekalan ini telah diperluaskan untuk mencakupi bidang-bidang lain seperti fungsi perlindungan hutan dan pengeluaran hasil hutan bukan kayu. Dengan itu, konsep ini sekarang dikenali sebagai Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB). PHSB ini adalah merupakan satu konsep menguruskan hutan untuk pelbagai kegunaan yang memberi manfaat kepada sosial, ekonomi dan alam sekitar bagi generasi kini dan akan datang.

Di bawah PHSB, amalan-amalan pemeliharaan dan pengurusan hutan yang menitikberatkan aspek-aspek ekologi dan alam sekitar telah digubal untuk menjamin perkhidmatan dan penghasilan yang berkekalan seperti Sistem Pengurusan Memilih (*Selective Management System* - SMS).

SMS telah mula diguna pakai sejak tahun 1978 untuk membolehkan rejim-rejim tebangan yang lebih fleksibel dan menepati tujuan pemeliharaan alam sekitar disamping menjamin penghasilan hutan secara berkekalan dengan mengoptimumkan pembangunan hutan. SMS digubal bagi mengurus secara berkekalan hutan pengeluaran dalam HSK dengan pusingan tebangan antara 25 hingga 30 tahun. Inventori dijalankan sebelum penebangan hutan untuk menentukan pokok-pokok yang akan dituai dan inventori sekali lagi dilaksanakan selepas penebangan hutan untuk menentukan status dirian tinggal dan menetapkan rawatan silvikultur.

Dalam proses pelaksanaan SMS ini, terdapat beberapa penambahbaikan yang telah dibuat berdasarkan keperluan-keperluan semasa yang dikuatkuasakan melalui pekeliling dan panduan yang digunapakai. Antaranya adalah penetapan kelebaran zon penampakan mengikut fungsi HSK, penetapan had pengeluaran bagi setiap kawasan yang diusahakan, penentuan had batas tebangan iaitu had batas minima yang boleh dikeluarkan ialah pokok berdiameter 50 sentimeter bagi spesies bukan dipterokarpa dan 60 sentimeter bagi spesies dipterokarpa. Selain itu, penetapan terhadap penandaan pokok juga dilaksanakan, di mana hanya pokok yang matang dan ditanda untuk ditebang

sahaja yang boleh diusahakan. Sementara itu, pokok-pokok yang mempunyai nilai perlindungan seperti pokok ibu, pokok buah-buahan untuk kepentingan hidupan liar dan spesies pokok yang dikategorikan sebagai Sangat Terancam, Terancam dan Jarang Ditemui (*Endangered, Rare and Threatened* - ERT) tidak dibenarkan untuk ditebang. Manakala, kawasan-kawasan yang mempunyai nilai perlindungan yang terdapat dalam kawasan pengusahaan seperti sepanjang zon penampakan sungai, kecerunan melebihi 40°, jenut hidupan liar (*salt-licks*) dan kawasan sensitif alam sekitar turut dikekalkan.

Selari dengan kriteria utama PHSB iaitu pengawalan terhadap pembukaan kawasan hutan untuk tujuan pengusahaan, maka Catuan Tebangan Tahunan (CTT) telah dilaksanakan. Ini bertujuan untuk mengimbangi jumlah pengeluaran dan penghasilan kayu dengan keupayaan dan keluasan kawasan hutan pengeluaran dalam HSK, yang diputuskan dalam MTN pada setiap tempoh Rancangan Malaysia Lima Tahun. Penetapan CTT adalah berasaskan kepada keupayaan pemulihan semula jadi (*natural regeneration capacity*) kawasan yang diusahakan. Pembukaan kawasan hutan dalam HSK dilaksanakan dengan berpanduan kepada kadar CTT yang telah ditetapkan.

Aktiviti pengusahaan hutan juga berpandukan kepada konsep Pembalakan Berimpak Rendah (*Reduce Impact Logging* - RIL). Ia dilaksanakan mengikut satu set garis panduan pengusahaan hutan yang dirancang dan dikawal secara intensif bagi mengurangkan tahap kerosakan pada dirian tinggal, tanah dan air supaya kapasiti pengeluaran hutan selepas pembalakan dan fungsi ekologi akan berkekalan. Pada masa yang sama juga, aktiviti pengusahaan yang dijalankan perlu mematuhi kehendak Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Secara Berkekalan atau *Malaysia Criteria and Indicators for Sustainable Forest Management* (MC&I SFM) yang merupakan satu piawaian untuk pensijilan pengurusan hutan untuk hutan asli selain pelaksanaan prosedur-prosedur lain yang ditetapkan.



Genting Highlands, Pahang
Sumber: MTC

PENGURUSAN HUTAN SECARA BERKEKALAN

Proses pengurusan tanah hutan kekal untuk mencapai satu atau lebih objektif khusus pengurusan dengan mengambil kira penghasilan berterusan produk dan perkhidmatan berasaskan hutan yang diinginkan tanpa pengurangan dari segi nilai sedia ada dan produktiviti di masa akan datang serta tanpa kesan-kesan yang tidak diinginkan ke atas alam sekitar dari segi fizikal mahupun sosial ~ Pertubuhan Antarabangsa Kayu-Kayan Tropika (ITTO 1992).



Dasar pengurusan hutan di Semenanjung Malaysia disediakan bertujuan untuk mengurus dan memelihara sumber hutan sejajar dengan konsep PHSB bagi faedah sosial, ekonomi, kebudayaan dan alam sekitar negara. Ia dilaksanakan dengan cara:

- Mengurus dan menggunakan sumber hutan bagi faedah maksimum berasaskan keupayaan semula jadi hutan dan potensi penggunaan hutan secara optimum;
- Mengurus potensi penggunaan sumber hutan berdasarkan rancangan penggunaan tanah dan pengurusan hutan yang komprehensif;
- Menentukan hasil yang berpotensi dengan berpandukan kepada taksiran yang mendalam dan sistematik ke atas sumber hutan, potensi tumbesarannya dan faktor berkaitan berasaskan kajian yang saintifik dan mendalam;
- Mengawal hasil pengeluaran kayu-kayan melalui keseimbangan pengeluaran dan permintaan serta prospek penggunaan yang maksimum;
- Mengusaha hasil hutan melalui kaedah tebangan memilih dengan meninggalkan dirian yang mencukupi untuk pusingan tebangan yang berikutnya selaras dengan pengusahasilan yang ekonomik bagi menjamin keberkekalan sumber hutan;
- Melaksanakan secara efektif sistem pengurusan hutan yang dirumuskan berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada teknik-teknik pengurusan yang bersepadu dan kajian-kajian operasi;
- Menubuhkan ladang hutan dengan spesies yang cepat tumbesaran sama ada jenis tempatan atau dagang;
- Menggalakkan kepelbagaigunaan hutan dan pemeliharaan kepelbagaian biologi dan kestabilan alam sekitar.
- Menjalankan inventori hutan selepas tebangan bagi mendapatkan maklumat mengenai status komposisi; jenis, isi kandungan serta saiz pokok/anak benih bagi menentukan rawatan silvikultur yang sesuai;
- Menjalankan kajian tanah bagi menentukan kesesuaian tapak dan spesies pokok yang akan ditanam untuk penubuhan ladang hutan; dan
- Menetapkan kawasan hutan yang sesuai untuk kepelbagaigunaan hutan bagi meningkatkan kemudahan rekreasi, pemeliharaan tanah dan air serta flora dan fauna.

PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN

Pensijilan pengurusan hutan (*Forest Management Certification* – FMC) merupakan salah satu mekanisme pengukuran pengurusan hutan yang dijalankan berdasarkan kriteria dan indikator yang ditetapkan. Pensijilan pengurusan hutan membantu mengurangkan proses penyahhutan, melindungi kawasan tadahan dan kualiti air, memulihara alam sekitar dan mengekalkan kelangsungan sumber daya hutan serta meningkatkan ekonomi bagi penduduk setempat yang bergantung pada hasil hutan.

Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS) merangkumi FMC dan Pensijilan Rantaian dan Penjagaan (CoC). Kedua-dua pensijilan ini boleh dijadikan sebagai salah satu faktor sokongan untuk pemasaran dan mengembangkan pasaran produk perkayuan Malaysia ke peringkat antarabangsa di mana CoC dan FMC memberikan kelebihan dan keutamaan terhadap produk kayu yang dieksport ke negara-negara Eropah.

HUTAN PERLINDUNGAN

Di Semenanjung Malaysia, sebahagian kawasan HSK telah dikelaskan mengikut satu atau lebih dari pengelasan fungsi hutan sebagaimana dikehendaki di bawah Seksyen 10(1) Akta Perhutanan Negara, 1984 dan salah satu kelasnya adalah hutan perlindungan yang berfungsi dalam pengawalan sumber air dan kualiti alam sekitar, perlindungan tanah, pemeliharaan kepelbagaian biologi serta mengurangkan kerosakan oleh banjir dan hakisan kepada sungai dan tanah pertanian.

Hutan Perlindungan Hidupan Liar merupakan salah satu daripada kelas mengikut fungsi hutan yang khusus untuk memelihara dan melindungi kepelbagaian spesies hidupan liar dengan mengekalkan dan menguruskan habitatnya. Menyedari akan kepentingan untuk mengatasi isu-isu penting yang melibatkan kemandirian spesies fauna, kerajaan telah dan sedang melaksanakan inisiatif Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS) menerusi penubuhan koridor ekologi dan penyambungan empat (4) kompleks hutan utama di Semenanjung Malaysia.

Selain itu, kawasan hutan bernilai pemeliharaan tinggi (*High Conservation Value* - HCV) juga telah diperkenalkan sejak tahun 1999 sebagai satu keperluan pensijilan pengurusan hutan di bawah Kriteria dan Petunjuk untuk Pensijilan Pengurusan Hutan Malaysia (Hutan Asli). Kawasan hutan di dalam sesebuah Unit Pengurusan Hutan yang mempunyai nilai ekonomi, nilai persekitaran dan sosial, serta kawasan yang dianggap luar biasa atau mempunyai nilai kepentingan yang sangat tinggi dikenal pasti dan ditanda bagi memastikan nilai-nilai dan keistimewaan sesuatu kawasan dapat dijaga dan dikekalkan untuk kelestarian dan faedah pada masa akan datang.



Hutan Simpan Bukit Bauk, Terengganu
Sumber: JPSM

Elemen Penting Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia

KEPERLUAN DASAR PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Hutan pada masa ini tidak lagi dianggap sebagai sumber pengeluaran kayu-kayan untuk pembangunan sosioekonomi negara semata-mata. Malahan, fungsi perlindungan sumber hutan menjadi lebih penting dalam pemeliharaan kepelbagaian biologi, kestabilan alam sekitar dan pengekalan budaya masyarakat. Dalam hal ini, perkembangan baharu seperti jaminan bekalan air dan makanan, perubahan iklim, kestabilan alam sekitar dan meningkatkan taraf kehidupan perlu diambil kira dalam penggubalan dasar-dasar dan undang-undang perhutanan di Malaysia. Dalam konteks ini, penggubalan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia akan merangkumi aspek-aspek pengurusan hutan secara berkekalan, pemuliharaan dan perlindungan kepelbagaian biologi dan perkhidmatan ekosistem hutan, mitigasi dan adaptasi kesan perubahan iklim, memperkasa penyelidikan dan pembangunan serta perkongsian maklumat.






Gunung Brinchang, Cameron Highlands, Pahang
Sumber: JPSM



Hutan Simpan Royal Belum, Perak
Sumber: MTC



KENYATAAN DASAR

Malaysia mengiktiraf hutan sebagai khazanah warisan negara yang strategik dan komited untuk mengekalkan kawasan hutan yang mencukupi bagi kepentingan perkhidmatan ekosistem hutan, konservasi kepelbagaian biologi, perlindungan alam sekitar dan penggunaan sumber secara berkekalan ke arah pembangunan sosioekonomi negara dan kesejahteraan generasi kini dan akan datang.

RASIONAL DASAR

Kenyataan Dasar ini adalah selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, menyediakan hala tuju bagi pelaksanaan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) melalui tadbir urus yang baik dan amalan terbaik bagi memastikan sektor perhutanan terus menyumbang ke arah pencapaian pembangunan lestari negara.

OBJEKTIF DASAR

- 1** Mengekalkan keluasan kawasan berhutan yang mencukupi berdasarkan tadbir urus yang baik melalui perancangan guna tanah yang cekap;
- 2** Memelihara, memulihara dan mengurus kawasan HSK berdasarkan prinsip-prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan PHSB;
- 3** Meningkatkan kegunaan kepelbagaian fungsi dan perkhidmatan ekosistem hutan khususnya dalam mengurangkan impak perubahan iklim, pengkalan kestabilan alam sekitar, perlindungan tanah, kelestarian sumber bekalan air mentah dan makanan serta pembangunan ekopelancongan;
- 4** Memelihara dan memulihara kepelbagaian biologi hutan bagi mengelakkan kemerosotan ekosistem, kepupusan spesies dan penurunan sumber genetik;
- 5** Menjamin bahan mentah yang berterusan daripada kawasan hutan asli dan hutan ladang bagi memperkasa pembangunan industri hutan dalam memenuhi pasaran tempatan dan antarabangsa;
- 6** Mengukuhkan perundangan dan penguatkuasaan undang-undang yang cekap dan berkesan bagi memastikan keberkekalan sumber hutan;
- 7** Mengukuhkan kerjasama antara semua pihak berkepentingan di peringkat nasional dan antarabangsa bagi mewujudkan sinergi ke arah kemajuan perhutanan;
- 8** Memelihara kesejahteraan hidup Orang Asli dan masyarakat setempat dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan;
- 9** Memperkasakan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan, inovasi dan penggunaan teknologi terkini bagi menjana kekayaan baharu daripada sumber hutan; dan
- 10** Membentuk masyarakat yang menghargai dan mencintai khazanah hutan negara dan menggalakkan penyertaan masyarakat dalam pemeliharaan, pemuliharaan dan perlindungan hutan.

PELAKSANAAN DASAR

Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia bertujuan membantu pihak kerajaan, badan bukan kerajaan, akademik, institusi penyelidikan, sektor swasta dan masyarakat dalam merealisasikan strategik yang dirangka bagi mencapai setiap objektif DPSM kepada pelan tindakan. Strategi dan pelan tindakan telah dirangka bagi menangani masalah dan perkara berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan pembangunan sumber hutan pada masa kini. Penekanan adalah untuk menstruktur program kerja yang akan memperkasa tadbir urus sedia ada, menangani jurang dan kekangan yang wujud. Pengurusan sumber hutan akan dijadikan keutamaan dengan memberi penekanan kepada keseragaman perundangan, garis panduan dan prosedur operasi standard yang mengawal piawaian dan amalan serta memperkukuh dan menambah baik pengetahuan dan teknologi sedia ada.

Terdapat sembilan (9) teras utama telah digubal dan disusun bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan seperti berikut:

- TERAS 1** Kelestarian Sumber Hutan
- TERAS 2** Konservasi Kepelbagaian Biologi Hutan
- TERAS 3** Kemampanan Perkhidmatan Ekosistem Hutan
- TERAS 4** Kesejahteraan Ekonomi dan Kesyinambungan Industri
- TERAS 5** Perundangan dan Penguatkuasaan
- TERAS 6** Keterangkuman dan Keterlibatan Pihak Berkepentingan
- TERAS 7** Kesejahteraan Sosial dan Orang Asli
- TERAS 8** Penyelidikan, Pembangunan, Pengkormersialan dan Inovasi
- TERAS 9** Masyarakat Berpencerahan

Sebanyak 27 Strategi bersama pelan-pelan tindakan telah dikenal pasti mengikut teras-teras yang telah dinyatakan seperti di atas.



Hutan Simpan Gunung Jerai, Kedah
Sumber: JPSM

TERAS1

KELESTARIAN SUMBER HUTAN

Kawasan hutan meliputi pelbagai jenis yang dikategorikan sebagai hutan darat, hutan paya gambut dan hutan paya laut yang mempunyai keunikan ekosistem tersendiri dan perlu diuruskan secara terancang dan sistematik. Tumpuan akan diberikan kepada pemerkasaan tadbir urus terutamanya kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK).

STRATEGI 1:

Mengekal dan Meningkatkan Kawasan Hutan dan Litupan Pokok

Kawasan hutan perlu dikekal, diurus dan ditingkatkan secara terancang sejajar dengan komitmen Negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah Negara sebagai hutan dan litupan pokok bagi mengekalkan kehijauan bumi dan kestabilan alam sekitar.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Memantapkan tadbir urus hutan bagi kawasan HSK, Tanah Kerajaan, Tanah Bermilik dan Tanah Rizab serta mengukuhkan kerangka kerja institusi sedia ada;
(b)	Menyedia dan mengemaskinikan maklumat kawasan hutan dan litupan pokok secara berkala;
(c)	Melaksanakan penilaian dan pemantauan peringkat makro status sumber hutan negara;
(d)	Memperkemaskan prosedur penukaran kegunaan dan pembangunan tanah berhutan bagi menangani konflik guna tanah dan kesan terhadap alam sekitar;
(e)	Mengekalkan kawasan hutan sedia ada dan menggantikan kawasan HSK yang dimansuhkan;
(f)	Mengenal pasti danewartakan kawasan berhutan sebagai HSK dan/atau Tanah Rizab;
(g)	Meningkatkan kawasan berhutan dan litupan pokok melalui pelaksanaan program penghutan semula, perhutanan bandar dan penanaman pokok;
(h)	Meningkatkan kawalan dan tindakan pencegahan serangan penyakit, makhluk perosak dan kebakaran hutan; dan
(i)	Melaporkan maklumat sumber hutan secara berkala di mesyuarat rasmi berkaitan sumber asli yang melibatkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

STRATEGI 2:

Menguruskan Hutan Simpanan Kekal Secara Berkekalan

HSK yang terdiri daripada jenis hutan darat, hutan paya gambut dan hutan paya laut perlu diurus secara berkekalan di bawah amalan tadbir urus hutan terbaik bagi mengimbangi faedah sosial, keperluan ekonomi dan kestabilan alam sekitar. HSK yang dikategorikan sebagai hutan pengeluaran diusahakan secara komersial di bawah perolehan berkekalan manakala hutan perlindungan adalah untuk kestabilan alam sekitar, pemeliharaan kepelbagaian biologi dan kesejahteraan masyarakat.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Mengkategorikan HSK sebagai hutan pengeluaran atau hutan perlindungan yang meliputi pelbagai fungsi hutan dan diuruskan di bawah amalan PHSB;
(b)	Menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan Negeri;
(c)	Menggubal prosedur pengurusan hutan mengikut kategori HSK dengan mengambil kira pelbagai perkhidmatan ekosistem dan produk hutan serta melaksanakannya dengan berkesan;
(d)	Melaksanakan penilaian dan pemantauan perubahan terhadap komposisi dan pertumbuhan dirian hutan mengikut regim pengurusan hutan yang diamalkan;
(e)	Mengukur, menanda dan menyelenggara sempadan luar HSK;
(f)	Menetap dan mematuhi CTT untuk pengusahaan hutan pengeluaran bagi hutan asli dalam HSK; dan
(g)	Melaksanakan program pemeliharaan dan pemuliharaan hutan.

STRATEGI 3:

Mendapatkan Pengiktirafan Amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan Melalui Pensijilan Pengurusan Hutan

Keberkesanan amalan PHSB bagi HSK boleh diukur melalui suatu penilaian yang telus dan berakuntabiliti untuk meningkatkan keyakinan masyarakat tempatan dan antarabangsa. Pensijilan pengurusan hutan berdasarkan standard antarabangsa merupakan suatu kaedah yang dapat membuktikan tahap pencapaian amalan pengurusan hutan.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Memberi latihan kepada semua peringkat pelaksana berkaitan standard pensijilan pengurusan hutan;
(b)	Melaksanakan audit dalam mengikut jadual yang ditetapkan;
(c)	Melaksanakan audit pematuhan oleh Badan Pensijilan; dan
(d)	Melaksanakan penambahbaikan terhadap kelemahan amalan pengurusan hutan yang dikenal pasti.



TERAS 2 KONSERVASI KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN

Tumpuan dipertingkatkan dalam memelihara dan memulihara kepelbagaian biologi hutan bagi mengelakkan kemerosotan ekosistem, kepupusan spesies dan penurunan sumber genetik.

STRATEGI 1:

Memelihara dan Memulihara Kepelbagaian Biologi Hutan

Hutan mempunyai kepelbagaian flora dan fauna yang tinggi dan kebanyakan daripadanya adalah unik serta tidak ditemui di tempat lain di dunia. Usaha pengumpulan maklumat, pemeliharaan *in-situ* dan *ex-situ* telah dilaksanakan dan perlu dipergiatkan untuk melindungi dan memelihara kepelbagaian biologi terutamanya bagi spesies hampir pupus, terancam, langka dan endemik.

PELAN TINDAKAN

- (a) Mengenal pasti dan menilai status ekosistem, habitat, spesies flora dan fauna yang hampir pupus, terancam, langka dan endemik;
- (b) Melaksanakan program pemeliharaan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi secara *in-situ* dan *ex-situ*;
- (c) Mengawal kemasukan dan ancaman spesies invasif serta organisma yang diubahsuai secara genetik;
- (d) Mengenal pasti dan melaksana langkah-langkah mitigasi dalam perancangan guna tanah bagi mengurangkan impak negatif terhadap kepelbagaian biologi hutan; dan
- (e) Mengenal pasti, mewujudkan dan memelihara lebih banyak kawasan hutan yang sesuai untuk kawasan HCV.



Tongkat Ali (*Eurycoma longifolia*)
Sumber: JPSM



Paku pakis (*Diplazium* sp.)
Sumber: MTC

STRATEGI 2:
Meningkatkan Pengetahuan dan Dokumentasi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan

Maklumat terperinci berkaitan kepelbagaian flora dan fauna terutamanya spesies yang belum ditemui perlu diperoleh dan didokumenkan sebagai rujukan dalam membuat keputusan bagi memastikan kepelbagaian biologi negara dapat diurus secara berkekalan. Peningkatan keupayaan pangkalan data kepelbagaian biologi akan membolehkan maklumat yang diperoleh diuruskan dengan cekap dan dapat dikongsi bersama oleh pelbagai agensi berkepentingan.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Menjalankan inventori kepelbagaian biologi hutan;
(b)	Memantapkan pangkalan data dan dokumentasi kepelbagaian biologi hutan;
(c)	Meningkatkan perkongsian data dan maklumat dengan pihak-pihak berkepentingan dalam bidang kepelbagaian biologi hutan;
(d)	Menggunakan maklumat-maklumat kepelbagaian biologi hutan dalam penambahbaikan pengurusan hutan; dan
(e)	Mewujud dan memperkasa kumpulan pakar dalam bidang kepelbagaian biologi hutan.



TERAS3

KEMAMPAKAN PERKHIDMATAN EKOSISTEM HUTAN

Menerokai beberapa potensi sumber perkhidmatan ekosistem dan kepelbagaian biologi hutan sebagai sumber pendapatan alternatif bagi masyarakat dan negara secara keseluruhannya disamping dapat memelihara dan memulihara khazanah hutan sedia ada. Tumpuan diberikan kepada cadangan penggunaan perkhidmatan ekosistem hutan dan pengkomersialan produk daripada sumber kepelbagaian biologi hutan yang baharu selaras dengan mekanisme pengurusan dan pembangunan hutan yang efektif ke arah mencapai matlamat PHSB.

STRATEGI 1:

Meningkatkan Keberkesanan Pengurusan Kawasan Hutan Tadahan Air

Jaminan keberkekalan sumber air perlu dijadikan keutamaan dalam pengurusan hutan bagi memastikan bekalan air mentah yang berterusan untuk kegunaan domestik, pertanian dan industri. Pemuliharaan dan pengurusan kawasan hutan tadahan air yang efektif amatlah diperlukan dengan sokongan mekanisme yang mantap dan penglibatan semua pihak berkepentingan.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Mengenal pasti dan mewarta kawasan hutan tadahan air;
(b)	Menyedia dan melaksana preskripsi pengurusan kawasan hutan tadahan air;
(c)	Mewujud dan melaksana mekanisme bagi mengenakan caj bayaran ke atas penggunaan sumber air daripada kawasan hutan tadahan air; dan
(d)	Meningkatkan jalinan kerjasama antara agensi yang berkaitan dalam mengurus dan memantau kawasan tadahan air.

STRATEGI 2:
Meningkatkan Keupayaan Hutan dalam Mengurangkan Impak Perubahan Iklim

Hutan berperanan penting dalam menyerap karbon dan mengurangkan impak perubahan iklim. Kawasan hutan sedia ada perlu dikekalkan manakala usaha-usaha pemuliharaan ekosistem yang sensitif perlu ditingkatkan bagi mengelakkan kemerosotan hutan.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Menjalankan inventori dan kuantifikasi stok karbon hutan;
(b)	Mengelakkan aktiviti yang menyebabkan penyahutan dan kemerosotan kualiti hutan;
(c)	Memperbanyak program penanaman pokok dan memulihkan kawasan hutan terosot untuk meningkatkan penyerapan karbon;
(d)	Meningkatkan pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan hutan tanah lembap dan tanah tinggi yang mempunyai ekosistem yang rapuh.; dan
(e)	Menyedia dan melaksana rancangan pengurusan hutan untuk keseimbangan kandungan karbon selaras dengan ketetapan peringkat serantau atau antarabangsa.

STRATEGI 3:
Melaksanakan Mekanisme Penjanaaan Pendapatan daripada Perkhidmatan Ekosistem Hutan

Mekanisme kutipan hasil yang dijanakan melalui perkhidmatan hutan perlu diberi penekanan. Ini dapat meningkatkan sumber kewangan untuk menampung kos melaksanakan program-program pemeliharaan dan pemuliharaan hutan ke arah mencapai matlamat PHSB.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Mengkaji dan melaksana mekanisme yang sesuai antaranya Bayaran Perkhidmatan Ekosistem Hutan, instrumen bayaran awam dan insentif pengurangan pengeluaran karbon;
(b)	Meningkatkan promosi dan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan kutipan bayaran perkhidmatan hutan; dan
(c)	Meningkatkan jalinan kerjasama antara agensi dalam melaksanakan mekanisme kutipan bayaran terhadap perkhidmatan hutan.

STRATEGI 4:
Memanfaatkan Kepelbagaian Biologi Hutan
Sebagai Sumber Kekayaan Baharu

Kepelbagaian biologi hutan membuka peluang ekonomi secara langsung atau tidak langsung tetapi masih belum diterokai sepenuhnya. Pembangunan bioteknologi daripada kepelbagaian biologi hutan boleh menghasilkan produk-produk yang bernilai komersial seperti farmaseutikal, antibiotik, vaksin dan florikultur. Sementara itu, pengetahuan tradisional mengenai kegunaan kepelbagaian biologi hutan perlu dipatenkan bagi manfaat ekonomi negara.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Mengkaji dan mengenal pasti sumber kepelbagaian biologi hutan yang berpotensi sebagai produk untuk dikomersialkan;
(b)	Membangun, mempaten dan mengkomersial teknologi dan produk yang dihasilkan daripada komponen kepelbagaian biologi hutan; dan
(c)	Menggalakkan akses dan perkongsian faedah terhadap ilmu pengetahuan dan penggunaan sumber kepelbagaian biologi hutan.





Periwai kera (*Nepenthes ampullaria*)
Taman Eko-Rimba Kledang Saiong, Meru, Ipoh, Perak
Sumber: JPSM

STRATEGI 5:
Membangunkan Kawasan Hutan yang Berpotensi Sebagai Destinasi Ekopelancongan Bertaraf Dunia, Menjana Peluang Ekonomi dan Pendapatan Melalui Aktiviti Ekopelancongan Berasaskan Hutan

Hutan mempunyai ciri-ciri keunikan semula jadi yang boleh dibangunkan sebagai destinasi ekopelancongan. Perancangan pembangunan yang teratur dan menepati piawaian antarabangsa perlu diberi keutamaan.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Mengenal pasti kawasan hutan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai destinasi ekopelancongan bertaraf dunia;
(b)	Menyedia dan melaksana pelan konsep pembangunan untuk memantapkan pengurusan dan pemeliharaan kawasan ekopelancongan berasaskan hutan;
(c)	Melaksanakan penilaian risiko dan tindakan penambahbaikan terhadap aspek keselamatan kawasan ekopelancongan yang telah dibangunkan;
(d)	Menjalankan kajian had daya tampung, kepuasan pelanggan dan kesanggupan untuk membayar bagi setiap kawasan ekopelancongan;
(e)	Meningkatkan kemahiran pemandu pelancong dan kakitangan agensi berkaitan melalui latihan dan kursus;
(f)	Melaksanakan program kesedaran bagi memelihara keaslian, kebersihan dan keselamatan kawasan ekopelancongan;
(g)	Mempromosikan kawasan ekopelancongan berasaskan hutan dengan lebih berkesan;
(h)	Mempelbagaikan produk dan perkhidmatan kawasan ekopelancongan berasaskan hutan;
(i)	Meningkatkan penglibatan masyarakat setempat, agensi kerajaan, pihak swasta dan <i>Governmental Organisations</i> (NGOs) dalam penyediaan produk dan perkhidmatan ekopelancongan berasaskan hutan; dan
(j)	Mewujud dan melaksana mekanisme bayaran yang efektif bagi aktiviti ekopelancongan berasaskan hutan.



Taman Eko-Rimba Kuala Lumpur
Hutan Simpan Bukit Nanas, Kuala Lumpur
Sumber: JPSM



Hutan Simpan Angsi, Negeri Sembilan
Sumber: JPSM

TERAS 4 KESEJAHTERAAN EKONOMI DAN KESINAMBUNGAN INDUSTRI

Fokus utama dalam menjamin bahan mentah yang berterusan daripada kawasan hutan asli dan hutan ladang bagi memperkasa pembangunan industri hutan dalam memenuhi permintaan pasaran tempatan dan antarabangsa.

STRATEGI 1:

Melestarikan Penghasilan Keluaran Hutan

Keluaran hutan merangkumi kayu dan bukan kayu. Penghasilan keluaran hutan haruslah berdasarkan kedapatan dan keupayaannya untuk diusaha hasil semula. Ianya juga perlu mengambil kira permintaan industri hutan dan disokong dengan penggunaan teknologi pengusahahasilan, pemprosesan yang cekap dan mesra alam.

PELAN TINDAKAN

- (a) Mengenal pasti keluaran hutan yang boleh menjadi sumber kekayaan baharu;
- (b) Mengemas kini dan memantap pangkalan data maklumat keluaran hutan;
- (c) Memantau dan mengawal penghasilan keluaran hutan bagi menjamin penggunaan yang optimum;
- (d) Menggalakkan penggunaan teknologi terkini dan mesra alam bagi penghasilan keluaran hutan;
- (e) Menambah baik dan mengemas kini kaedah, caj, peraturan dan kutipan hasil keluaran hutan; dan
- (f) Mempergiatkan usaha-usaha penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R,D,C&I) keluaran hutan.

STRATEGI 2:

Meningkatkan Kecekapan Industri Hutan dan Keselamatan Pekerjaan

Kecekapan industri hutan boleh dipertingkatkan melalui penggunaan teknologi yang cekap dan terkini tanpa mengetepikan keselamatan dan kesihatan pekerja. Ia juga dapat meningkatkan produktiviti pengeluaran industri hutan, meminimumkan pembaziran bahan mentah dan pencemaran alam sekitar.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Menggalakkan penggunaan teknologi terkini yang mesra alam dan selamat dalam industri hutan;
(b)	Meningkatkan kecekapan industri hutan melalui penggabungan industri berasas kayu sedia ada;
(c)	Meningkatkan bilangan industri pemprosesan kayu bersepadu bagi mengoptimumkan penggunaan bahan mentah;
(d)	Meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerja dalam industri hutan; dan
(e)	Meningkatkan jalinan kerjasama bersepadu dengan pemain industri perhutanan bersama Agensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

STRATEGI 3:

Mengawal Selia Operasi Industri Hutan

Proses pelesenan industri hutan perlu diperkemas bagi memastikan semua industri hutan beroperasi secara sah. Pelesenan ini penting untuk membolehkan pemantauan dan pengawalan perjalanan operasi industri hutan dilaksanakan dengan efektif.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Memperkemas kerangka institusi, perundangan dan prosedur pelesenan industri hutan;
(b)	Menjalankan penguatkuasaan mengikut perundangan sedia ada; dan
(c)	Meningkatkan jalinan kerjasama bersepadu antara agensi berkaitan pelesenan industri hutan.

STRATEGI 4:
Meningkatkan Penyertaan Bumiputera Dalam Industri Hutan

Penyertaan Bumiputera dalam industri hutan hendaklah diberi keutamaan sejajar dengan matlamat dan dasar kerajaan bagi meningkatkan ekuiti Bumiputera dalam sektor ekonomi negara.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Menyediakan mekanisme kemudahan kewangan, insentif, teknologi, pemasaran dan latihan kemahiran dalam industri hutan kepada Bumiputera; dan
(b)	Meningkatkan penglibatan institusi kewangan dan agensi berkaitan dalam penyediaan dana, pemasaran dan promosi produk industri hutan.



Taman Negara, Pahang
Sumber: JPSM

STRATEGI 5:
Menggalakkan Pembangunan Ladang Hutan untuk Pengeluaran Kayu dan Bukan Kayu

Hutan ladang berpotensi menjadi sumber utama bekalan bahan mentah untuk industri hutan pada masa akan datang. Mempergiatkan pembangunan ladang hutan di tanah kerajaan, tanah rizab, tanah bermilik, kawasan terosot dan kawasan hutan miskin dalam HSK yang sesuai bagi meningkatkan pengeluaran kayu dan bukan kayu.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Mengenal pasti dan mewujudkan zon pembangunan ladang hutan dalam HSK;
(b)	Mengenal pasti spesies-spesies yang sesuai dan mempunyai nilai komersial untuk ladang hutan ke arah mempertingkat pulangan hasil;
(c)	Menggalakkan pembangunan ladang hutan di tanah kerajaan, tanah rizab dan tanah bermilik yang sesuai;
(d)	Mengenal pasti model perhutanan tani dan merangka garis panduan bagi pelaksanaannya dalam kawasan HSK, tanah kerajaan, tanah rizab dan tanah bermilik yang sesuai;
(e)	Meningkatkan keupayaan tapak semaian bagi tujuan pembekalan anak benih yang berkualiti untuk pembangunan ladang hutan;
(f)	Memperkasa insentif untuk menggalakkan penyertaan pihak swasta dan individu dalam pembangunan ladang hutan;
(g)	Mewujudkan Skim Pembangunan Ladang Hutan Secara Berkelompok bagi Tanah Bermilik;
(h)	Melaksanakan Amalan Pengurusan Terbaik dalam pembangunan ladang hutan berasaskan standard pengurusan ladang hutan yang diiktiraf;
(i)	Meningkatkan jalinan kerjasama antara agensi-agensi berkaitan bagi memantapkan pembangunan ladang hutan; dan
(j)	Memberi khidmat nasihat dan latihan dalam pembangunan ladang hutan.

TERAS

5

PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN

Undang-undang dan peraturan berkaitan perhutanan disediakan bagi memantapkan aktiviti penguatkuasaan, pencegahan dan pambanterasan dengan lebih efektif. Undang-undang dan peraturan sedia ada akan dikaji dan dipinda mengikut keperluan semasa.

STRATEGI 1:

Menguatkuasakan Perundangan Hutan Secara Cepak dan Berkesan

Penglibatan pelbagai agensi penguatkuasaan dengan kerjasama masyarakat dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang hutan secara bersepadu perlu dipertingkatkan bagi menjamin keberkesanan dan kecekapannya.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Menilai dan mengemas kini perundangan hutan sedia ada untuk memantapkan pelaksanaan amalan PHSB;
(b)	Memperkuh perundangan dan prosedur bagi memantapkan aktiviti penguatkuasaan, pencegahan dan pambanterasan secara bersepadu antara agensi;
(c)	Mengukuhkan struktur organisasi dan keperluan logistik untuk penguatkuasaan undang-undang hutan yang lebih efektif;
(d)	Meningkatkan hubungan kerjasama dan perkongsian maklumat antara agensi bagi memantapkan penguatkuasaan undang-undang hutan;
(e)	Meningkatkan penglibatan masyarakat setempat dan NGO bagi membantu usaha-usaha pencegahan dan kawalan pelanggaran undang-undang hutan;
(f)	Menggunakan teknologi terkini dalam aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan hutan; dan
(g)	Memperuntukkan sumber yang mencukupi (sumber tenaga manusia, peralatan dan kewangan) untuk menguatkuasakan perundangan berkaitan dengan hutan.

STRATEGI 2:
Memperkasa Penguatkuasaan dan Kawalan Terhadap *Biopiracy* Sumber Hutan

Biopiracy sumber hutan adalah mengambil dan membangunkan tanpa persetujuan atau kebenaran, bayaran pampasan dan pengiktirafan bagi mendapatkan keuntungan daripada pemilik asalnya. Peruntukan undang-undang dalam dasar ini akan membantu mencegah dan menyelesaikan isu *biopiracy* sumber hutan di Malaysia. Aktiviti penguatkuasaan perlu dilaksanakan dengan memperuntukkan syarat-syarat pengawalan *biopiracy* sumber hutan bagi melindungi kepentingan dan hak pemilik asal.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Memperkasa mekanisme dan memperuntuk syarat-syarat pengawalan <i>biopiracy</i> sumber hutan dalam aktiviti penyelidikan, eksplorasi dan ekspedisi;
(b)	Meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan perundangan terhadap aktiviti <i>biopiracy</i> sumber hutan; dan
(c)	Melaksanakan program dan kempen kesedaran terhadap aktiviti dan implikasi <i>biopiracy</i> sumber hutan.





Sungai Kuantan, Pahang
Sumber: JPSM

TERAS 6 **KETERANGKUMAN DAN KETERLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN**

Tumpuan diberikan untuk mengukuhkan kerjasama antara semua pihak berkepentingan di peringkat nasional dan antarabangsa bagi mewujudkan sinergi ke arah kemajuan sektor perhutanan Negara.

STRATEGI 1:

Meningkatkan dan Mengukuhkan Penglibatan dan Peranan Negara dalam Bidang Perhutanan di Peringkat Antarabangsa

Isu-isu perubahan iklim, kepupusan kepelbagaian biologi dan kemerosotan hutan pada masa ini sering kali dibincangkan di peringkat antarabangsa. Isu-isu seperti ini perlu ditangani dengan bijak dan berkesan demi menjaga kepentingan dan kedaulatan negara. Tenaga pakar dalam bidang perhutanan perlu dipertingkatkan bagi mempertahankan pendirian negara dalam perundingan di peringkat antarabangsa.

PELAN TINDAKAN

- (a) Mewujudkan kumpulan pakar perhutanan bagi menangani pelbagai isu perhutanan semasa;
- (b) Merangka dan melaksana program pembinaan keupayaan yang berterusan bagi menyokong rundingan dan pelaksanaan obligasi dan perjanjian antarabangsa; dan
- (c) Menginstitusikan mekanisme untuk menyelaras penetapan pendirian negara dalam perundingan antarabangsa.

STRATEGI 2:

Memantapkan Penglibatan Pihak Swasta, NGO dan Orang Awam dalam Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sumber Hutan

Penglibatan pihak swasta, NGO dan orang awam adalah penting dalam menyokong usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan bagi membolehkan fungsi dan perkhidmatannya dimanfaatkan secara berkekalan.

PELAN TINDAKAN

- (a) Meningkatkan hubungan kerjasama antara pihak swasta, NGO dan orang awam dengan agensi kerajaan dalam pemeliharaan dan pemuliharaan hutan menerusi tanggungjawab kemasyarakatan masing-masing; dan
- (b) Mempermudah mekanisme dan prosedur penerimaan sumbangan dan penajaan dana termasuklah penubuhan tabung khas bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan tanpa menjejaskan ketelusan pengurusan dan perbelanjaan dana yang diterima.

STRATEGI 3:**Meningkatkan Penglibatan Pemegang Taruh Melalui Proses Konsultasi**

Konsultasi awam merupakan satu proses bagi mendapatkan pandangan dan input berkaitan isu perhutanan semasa daripada pemegang taruh dan pihak-pihak lain berkaitan ke arah mencapai objektif pengurusan hutan yang lebih berkesan.

PELAN TINDAKAN

- (a) Mengenal pasti isu perhutanan yang perlu diadakan sesi konsultasi dengan pemegang taruh yang terlibat; dan
- (b) Melaksanakan konsultasi dengan pemegang taruh yang telah dikenal pasti.



Tasik Chini, Pahang
Sumber: JPSPM



KESEJAHTERAAN SOSIAL DAN ORANG ASLI

Memberi tumpuan kepada hak-hak masyarakat peribumi dan masyarakat setempat untuk memiliki, mengguna dan mengurus kawasan serta sumber mereka.

STRATEGI 1:

Menggalakkan Penglibatan Orang Asli dan Masyarakat Setempat dalam Aktiviti Pengurusan dan Pembangunan Hutan

Penglibatan Orang Asli dan masyarakat setempat dalam aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan termasuk perhutanan sosial dan perhutanan tani yang berupaya meningkatkan pendapatan Orang Asli dan masyarakat setempat. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti perhutanan ini dapat mengurangkan kebergantungan Orang Asli dan masyarakat setempat secara langsung kepada kawasan hutan.

PELAN TINDAKAN

- (a) Meningkatkan penglibatan Orang Asli dan masyarakat setempat dalam aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan; dan
- (b) Meningkatkan jalinan kerjasama antara agensi kerajaan dengan pihak swasta dalam program perhutanan sosial dan perhutanan tani.

STRATEGI 2:

Mengekalkan Fungsi dan Perkhidmatan Hutan untuk Kepentingan Orang Asli

Fungsi utama hutan kepada Orang Asli adalah sebagai tempat tinggal, sumber makanan, kegunaan domestik, bahan kayu api, warisan budaya dan keagamaan. Oleh itu, pengekalan fungsi dan perkhidmatan hutan ini penting untuk kelangsungan hidup Orang Asli.

PELAN TINDAKAN

- (a) Mengenal pasti dan melindungi tapak-tapak istimewa kepada Orang Asli dalam HSK;
- (b) Memperkemas kerangka institusi dan mekanisme untuk menyelesaikan konflik guna tanah Orang Asli dalam HSK; dan
- (c) Mengambil kira kepentingan dan hak-hak Orang Asli bagi pengurusan dan pembangunan hutan dalam kawasan HSK.

STRATEGI 3:
Mengurangkan Konflik antara Manusia dan Hidupan Liar

Konflik antara manusia dan hidupan liar berlaku apabila terdapat pertindihan kepentingan antara kedua-duanya. Konflik manusia dan hidupan liar kerap berlaku di antara sempadan kawasan hutan dengan kawasan penempatan, perladangan dan pertanian disebabkan oleh pembangunan tanah yang tidak terancang yang mengakibatkan fragmentasi hutan. Koridor ekologi hidupan liar perlu dibina bagi menyambungkan hutan-hutan yang telah terpisah.

PELAN TINDAKAN
(a) Menenal pasti dan mengekalkan kawasan hutan yang sesuai untuk perlindungan hidupan liar;
(b) Mempergiat penubuhan rangkaian koridor ekologi hidupan liar;
(c) Menangani konflik antara manusia dan hidupan liar melalui mekanisme yang bersesuaian; dan
(d) Mengambil kira kepentingan habitat setempat hidupan liar dalam pengurusan dan pembangunan hutan.



Harimau Malaya (*Panthera tigris jacksoni*),
Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC), Sungkai, Perak
Sumber: PERHILITAN

TERAS 8 PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN, PENGKOMERSIALAN DAN INOVASI

Tumpuan adalah untuk memperkasakan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R,D,C&I) dengan penggunaan teknologi terkini bagi menjana kekayaan baharu daripada sumber dan perkhidmatan hutan.

STRATEGI 1:

Menggalakkan Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R,D,C&I) dalam Penggunaan Teknologi yang Menyokong Pencapaian Matlamat Pengurusan Hutan Secara Berkekalan

Pengurusan hutan menjadi semakin mencabar dengan keperluan memenuhi kehendak dan permintaan masyarakat serta mengimbangi keperluan perlindungan alam sekitar, ekonomi dan kesejahteraan masyarakat. Penambahbaikan ke atas amalan PHSB yang disokong dengan R,D,C&I dengan penggunaan teknologi terkini perlu diberi keutamaan.

PELAN TINDAKAN

- (a) Mengenal pasti bidang penyelidikan perhutanan yang perlu diberikan keutamaan;
- (b) Mendapatkan dana yang mencukupi dari pelbagai sumber dalam dan luar negara untuk menjalankan R,D,C&I;
- (c) Menyediakan insentif yang sesuai bagi R,D,C&I teknologi perhutanan;
- (d) Mengaplikasikan hasil inovasi dan penyelidikan bagi menambah baik pengurusan hutan;
- (e) Mempaten dan mengkomersialkan teknologi perhutanan yang dibangunkan;
- (f) Mewujudkan perkongsian pintar antara agensi dalam menjalankan R,D,C&I secara bersepadu;
- (g) Memperkasa institusi penyelidikan perhutanan; dan
- (h) Meningkatkan penggunaan *Information and Communications Technology* (ICT) terkini dalam R,D,C&I untuk sektor perhutanan.

TERAS9

MASYARAKAT BERPENCERAHAN

Kefahaman dan kesedaran masyarakat terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan sumber hutan serta kestabilan alam sekitar adalah penting melalui usaha dan penglibatan bersama pelbagai agensi.

STRATEGI 1:
Memperkasa Kemahiran, Keupayaan dan Kecekapan Modal Insan

Pembangunan modal insan adalah penting bagi menyumbang kepada pencapaian matlamat PHSB. Program pembangunan modal insan yang komprehensif dan berterusan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan berkesan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kreativiti.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Mengenal pasti keperluan latihan mengikut bidang, skala dan permintaan sektor perhutanan;
(b)	Memperkasa institusi latihan perhutanan;
(c)	Meningkatkan jaringan kerjasama antara institusi latihan perhutanan dalam dan luar negara;
(d)	Menyedia dan melaksana program pembangunan latihan bagi melahirkan kakitangan yang kompeten dalam bidang yang dikenal pasti; dan
(e)	Mengutamakan pengambilan pekerja yang terlatih, berkemahiran dan bertauliah dalam melaksanakan aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan.

STRATEGI 2:
Mengarus Perdana Pembelajaran Ilmu Perhutanan

Pembelajaran ilmu perhutanan perlu diterapkan di peringkat persekolahan sebagai suatu bidang ilmu yang penting kepada kehidupan masyarakat dalam usaha memupuk perasaan kecintaan dan menghargai kepentingan hutan serta alam sekitar.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Memantapkan pembelajaran ilmu perhutanan dalam kurikulum di semua peringkat sekolah;
(b)	Mempergiat aktiviti perhutanan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi; dan
(c)	Mewujudkan Sahabat Rimbawan di peringkat sekolah.

STRATEGI 3:
Meningkatkan Kefahaman dan Kesedaran Masyarakat Terhadap Perhutanan

Kefahaman dan kesedaran masyarakat terhadap perhutanan adalah penting supaya segala usaha yang dijalankan oleh kerajaan dapat diterima dan disokong oleh masyarakat. Kefahaman dan kesedaran masyarakat boleh dipertingkat dengan usaha dan penglibatan yang lebih berkesan oleh pihak-pihak yang berkaitan.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Melaksanakan program kesedaran dan aktiviti pengembangan perhutanan secara berterusan;
(b)	Menyedia dan menyebarkan bahan-bahan terbitan mengenai perhutanan kepada kumpulan sasaran; dan
(c)	Meningkatkan jalinan kerjasama antara agensi kerajaan, pihak swasta, NGO dan masyarakat setempat dalam program kesedaran dan pengembangan perhutanan.



Hutan Simpan Gomantong, Sabah
Sumber: SFD

DASAR HUTAN SABAH

Visi

Ke arah merealisasikan
pengurusan hutan
secara mampan

Misi

Merancang dan
melaksanakan
pengurusan sumber
hutan negeri dengan
berkesan dan cekap
selaras dengan prinsip-
prinsip pengurusan hutan
mampan



Laran (*Oblongifolius* Blume)
Sumber: SFD

KENYATAAN DASAR

Sabah adalah komited untuk memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanahnya diperuntukkan dan dilindungi sebagai kawasan hutan dan litupan pokok yang diurus secara mampan untuk kepentingan perlindungan alam sekitar, pemeliharaan kepelbagaian biologi dan kesejahteraan sosioekonomi masyarakat.

RASIONAL DASAR

Dasar Perhutanan ini memantapkan komitmen dan hala tuju dalam menguruskan kawasan hutan dan litupan pokok melalui pengurusan hutan mampan. Dasar ini mengambil kira kelestarian alam sekitar, sosial dan ekonomi melalui tadbir urus hutan yang baik dan amalan pengurusan terbaik bagi memastikan perhutanan kekal sebagai salah satu guna tanah yang penting dan kompetitif di Sabah. Tujuannya adalah untuk menginstitusikan tadbir urus pengurusan hutan yang baik.



Hutan Simpan Deramakot, Sabah
Sumber: SFD

Latar Belakang

Sabah adalah negeri kedua terbesar di Malaysia dengan keluasan lebih kurang 7.4 juta hektar terletak di utara timur laut Pulau Borneo. Lebih kurang 59% negeri ini masih diliputi hutan merangkumi Hutan Simpan, Taman-Taman Sabah, Sanktuari Hidupan Liar dan hutan tanah kerajaan. Hutan hujan tropika Sabah adalah merupakan antara hutan yang mempunyai kepelbagaian flora dan fauna yang tinggi di dunia serta kaya dari segi nilai biodiversiti dan ekonomi. Kebanyakan hutan di Sabah adalah terletak di kawasan ekologi luas yang dikenali sebagai “Heart of Borneo (HoB)”. Negeri ini bertuah kerana kerajaan mengiktiraf kepentingan hutan lebih awal dengan penubuhan Jabatan Perhutanan pada tahun 1914 yang pada masa itu masih di bawah pemerintahan British Borneo Chartered Company. Matlamat asal Jabatan adalah untuk mengutip royalti daripada operasi pembalakan. Dengan adanya Dasar Hutan 1954, Enakmen Hutan 1968 dan Peraturan-Peraturan Hutan 1969, peranan Jabatan ini telah berkembang dengan mengambil kira aspek perlindungan dan pemuliharaan hutan simpan negeri serta kawasan hutan yang lain.

Peranan Jabatan Perhutanan telah berkembang lagi dengan pelaksanaan SFM di seluruh negeri pada tahun 1997. Pengalaman awal dalam melaksanakan konsep SFM bermula pada tahun 1989 bila Hutan Simpan Deramakot (DFR) dipilih sebagai model hutan yang diurus dengan baik di bawah kolaborasi antara SFD dan *German Organisation for Technical Cooperation* (GTZ). Projek ini telah mencapai

satu kejayaan dan ia kemudiannya dikembangkan ke kawasan-kawasan Unit Pengurusan Hutan (FMU) bermula pada September 1997, iaitu bila Kerajaan Negeri melalui kerjasama pintar dengan sektor swasta menandatangani lesen jangkamasa panjang yang dikenali sebagai *Sustainable Forest Management Licence Agreement* (SFMLA). Di bawah sistem FMU ini, pemegang lesen SFMLA dikehendaki melaksanakan aktiviti pengurusan hutan berdasarkan Pelan Pengurusan Hutan 10 tahun. Pelan ini menghuraikan bagaimana kawasan FMU boleh diurus secara mampan melalui konsep pengurusan hutan pelbagai-guna di mana aspek sosial, ekonomi dan persekitaran diambil kira. Ini termasuklah pengezonan kawasan di mana kawasan FMU dizonkan kepada beberapa gunatanah utama seperti pengusahahasilan, perlindungan dan guna tanah spesifik yang lain.

Sejak diperkenalkan dua dekad lalu, pelaksanaan SFM di Sabah telah mencapai kejayaan yang ketara dalam mengurus sumber hutan secara lestari dan tadbir urus baik. Sasaran kerajaan adalah untuk mengembangkan model Deramakot ke seluruh kawasan hutan simpan komersial di Sabah secara sistematik dan berperingkat.

Pengiktirafan Hutan Simpan Deramakot sebagai hutan hujan tropika pertama di dunia mendapat pensijilan hutan *Forest Stewardship Council* (FSC) dalam tahun 1997 merupakan satu pencapaian terbesar dalam pelaksanaan SFM di Sabah. Di


samping itu, kerja-kerja restorasi hutan dan pembangunan ladang hutan terus menjadi aktiviti utama SFM. Aktiviti ini penting untuk meningkatkan stok dirian pokok hutan asli dan ladang hutan bagi bekalan kayu pada masa akan datang. Jumlah kumulatif kawasan hutan yang telah dipulihkan melalui rawatan silvikultur, penanaman pokok dan perladangan hutan adalah seluas lebih kurang 750,000 hektar setakat ini. Mengambil kira kawasan terkini di bawah hutan simpan perlindungan (Kelas I, VI dan VII), Taman-Taman Sabah dan Sanktuari Hidupan Liar, Kawasan Terlingdung Sepenuhnya (TPA) di Sabah adalah lebih kurang 26% daripada keluasan negeri atau seluas 1.9 juta hektar. Sasaran Kerajaan Negeri adalah untuk mewartakan tidak kurang 30% daripada keluasan negeri Sabah atau 2.2 juta hektar sebagai TPA menjelang tahun 2025.



Rafflesia, Sabah
Sumber: SFD

Kini, seluas lebih kurang 860,519 hektar kawasan hutan negeri ini telah mendapat pensijilan. Ini termasuklah 629,015 hektar disijilkan di bawah *Forest Stewardship Council* (FSC), 178,065 hektar di bawah MTCS-PEFC (*Malaysian Timber Certification Scheme-Programme for the Endorsement of Forest Certification*), 78,827 hektar di bawah Ramsar, dan 149 hektar di bawah MSISO 9001:2008. Kerajaan Negeri adalah komited untuk mensijilkan semua kawasan hutan simpan, secara berperingkat-peringkat.

Dengan penurunan pengeluaran kayu dari hutan asli, ladang hutan akan menjadi sumber bekalan kayu yang penting kepada negeri ini pada masa akan datang. Menjelang tahun 2030, dianggarkan 2.5 juta meter padu bekalan kayu akan diperolehi dari ladang hutan terdiri dari spesies pokok eksotik atau spesies tempatan. Selain itu, dijangkakan isipadu pengeluaran kayu dari hutan asli yang telah dipulihkan akan meningkat menjelang tahun 2030. Berdasarkan unjuran ini, bekalan bahan mentah untuk industri berasaskan kayu di Sabah akan mencukupi dan industri ini dijangka akan berkembang semula. Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memperoleh sumber-sumber pendapatan baharu dari hasil-hasil hutan seperti karbon, PES, dan NTFP.





Oleh itu, adalah penting supaya Dasar Hutan Sabah yang baharu ini diselaraskan dengan perkembangan sektor perhutanan negeri terkini untuk mencapai visi ke arah merealisasikan SFM bagi faedah ekonomi, sosial dan alam sekitar negeri yang mampan. Tumpuan adalah diberikan kepada pemuliharaan biodiversiti melalui pewartaan kawasan TPA dan penerokaan terhadap sumber pendapatan baharu dari hasil hutan. Ini termasuklah pelaksanaan pemuliharaan biodiversiti melalui pewartaan kawasan TPA dan penerokaan terhadap sumber pendapatan baharu dari hasil hutan. Dasar ini terdiri dari 7 teras iaitu kelestarian sumber-sumber hutan; perlindungan biodiversiti dan perkhidmatan alam sekitar; penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (RDC&I); kesejahteraan ekonomi; kesejahteraan sosial; pembangunan sumber manusia; dan kerjasama dan obligasi peringkat negeri, nasional dan antarabangsa. Di bawah setiap teras, terdapat 28 strategi dan 111 pelan tindakan untuk mencapai matlamat Dasar ini. Berikut adalah objektif-objektif dasar di bawah setiap teras:

Teras 1: KELESTARIAN SUMBER-SUMBER HUTAN

1. Untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% kawasan negeri sabah sebagai hutan simpan dan litupan pokok untuk pelbagai guna hutan jangka panjang;
2. Untuk memastikan pentadbiran dan pengurusan hutan simpan yang sistematik dan telus;
3. Untuk memperkasakan penguatkuasaan dan undang-undang hutan; dan
4. Untuk mewujudkan kesedaran awam mengenai kepentingan pengurusan sumber hutan secara mampan.

Teras 2: PERLINDUNGAN BIODIVERSITI DAN PERKHIDMATAN ALAM SEKITAR

1. Untuk memperuntukkan kawasan yang mencukupi sebagai kawasan dilindungi sepenuhnya (TPA) untuk perkhidmatan alam sekitar;
2. Untuk memastikan semua jenis hutan, ekosistem dan biodiversitinya adalah diwakili secukupnya dan dilindungi;
3. Untuk memastikan semua kawasan hutan terosot dipulihkan bagi meningkatkan fungsi-fungsi ekologi hutan tersebut; dan
4. Untuk mengurangkan impak aktiviti pengurusan hutan terhadap perkhidmatan alam sekitar.

Teras 3: PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN, PENGKOMERSIALAN DAN INOVASI (RDC&I)

1. Untuk memperkasakan program penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (RDC&I) dalam menyokong pengurusan hutan; dan
2. Untuk meneroka dan mengaplikasikan penggunaan teknologi dan inovasi yang baharu.

Teras 4: KESEJAHTERAAN EKONOMI

1. Untuk memastikan industri berasaskan kayu yang mampan dan berdaya maju;
2. Untuk mengoptimumkan hasil sewaan hutan (forest rent) dari hutan asli dan ladang hutan;
3. Untuk mengkaji potensi Bayaran Perkhidmatan Ekosistem (PES) untuk menjana pendapatan;
4. Untuk meneroka sumber-sumber pendapatan alternatif dari Hasil Hutan Bukan Kayu (NTFP);
5. Untuk mempromosi rekreasi hutan dan pelancongan berasaskan alam semula jadi; dan
6. Untuk memajukan Sabah ke arah memperoleh pembayaran berkaitan karbon dan perubahan iklim.

Teras 5: KESEJAHTERAAN SOSIAL

1. Untuk memperkukuhkan penyertaan masyarakat tempatan dalam pelaksanaan aktiviti pengurusan hutan.

Teras 6: PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

1. Untuk mengukuhkan kemahiran dan kecekapan sumber manusia di semua peringkat melalui pembangunan kapasiti yang berterusan; dan
2. Untuk mengukuhkan struktur organisasi bagi menyokong kecekapan dan inovasi dalam pentadbiran dan pengurusan.

Teras 7: KERJASAMA DAN OBLIGASI PERINGKAT NEGERI, NASIONAL DAN ANTARABANGSA

1. Untuk mengukuhkan kemahiran dan kecekapan sumber manusia di semua peringkat melalui pembangunan kapasiti yang berterusan; dan
2. Untuk mengukuhkan struktur organisasi bagi menyokong kecekapan dan inovasi dalam pentadbiran dan pengurusan.



Hutan Simpan Deramakot, Sabah
Sumber: SFD

TERAS1

KELESTARIAN SUMBER-SUMBER HUTAN

OBJEKTIF 1:
Untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% Kawasan Negeri Sabah sebagai hutan simpan dan litupan pokok untuk pelbagai guna hutan jangka panjang.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk memastikan penggunaan hutan simpan secara optimum dan produktif.	(a) Untuk menjalankan survei, menanda, menyelenggara dan memantau sempadan hutan simpan di lapangan; (b) Untuk membuat penilaian berkala sumber hutan untuk membantu dalam penyediaan perancangan sumber hutan yang berhemah; dan (c) Untuk mengemas kini sistem maklumat pengurusan sumber hutan secara berterusan.
(2) Untuk memastikan tiada pengurangan kawasan hutan simpan.	(a) Penubuhan dan pembubaran kawasan hutan simpan hendaklah dibincangkan dan diperhalusi di peringkat Jawatankuasa Teknikal Negeri sebelum dikemukakan kepada Dewan Undangan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan; dan (b) Untuk menggantikan mana-mana kawasan hutan simpan yang telah dibubarkan dengan kawasan yang sepadan dari segi saiz dan kualiti selaras dengan <i>Managed Retention Policy</i> kearah mencapai NNL/NG.

OBJEKTIF 2:
Untuk memastikan pentadbiran dan pengurusan hutan simpan yang sistematik dan telus.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk memperkasakan pelaksanaan pengurusan hutan yang bertanggungjawab dan telus.	(a) Untuk mempromosikan dan menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam pengurusan hutan jangka panjang; (b) Untuk menyediakan Pelan Pengurusan Hutan untuk semua kawasan hutan simpan; (c) Untuk memperkukuhkan pengauditan dalaman dan pengauditan bebas pengurusan hutan; (d) Untuk menggalakkan penglibatan Pertubuhan Masyarakat Sipil (CSO) di dalam pengurusan hutan; (e) Untuk menggalakkan pensijilan pengurusan hutan bagi mencapai piawaian pengurusan yang berkualiti tinggi; (f) Untuk mengukuhkan perlindungan dan pengurusan kebakaran hutan; dan (g) Untuk menjalin kerjasama dengan rakan kongsi yang berkeupayaan untuk pembiayaan kewangan mampan dalam pelaksanaan Pengurusan Hutan Secara Mampan (SFM).

OBJEKTIF 3:
Untuk memperkasakan penguatkuasaan dan undang-undang hutan.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk memastikan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan hutan yang tegas	(a) Untuk menjalankan aktiviti pemantauan secara berterusan; (b) Untuk memperkasakan pasukan dan aktiviti penguatkuasaan; (c) Untuk mengadakan penguatkuasaan, penyiasatan dan tatacara pendakwaan secara berterusan; (d) Untuk memberi kuasa kepada masyarakat tempatan dalam aktiviti perlindungan hutan; (e) Untuk mengukuhkan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan peringkat negeri dan nasional; dan (f) Untuk mengukuhkan undang-undang, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan hutan [Enakmen Hutan 1968, Kaedah-kaedah Hutan 1969, Enakmen Hutan (Kayu) 2015] melalui kajian secara berkala.

OBJEKTIF 4:
Untuk mewujudkan kesedaran awam mengenai kepentingan pengurusan sumber hutan secara mampan.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk memastikan program kesedaran awam disediakan secara teratur dan diterima pakai.	(a) Untuk menganjurkan persidangan, bengkel dan konsultasi yang melibatkan pihak-pihak berkepentingan berkaitan; (b) Untuk melaksanakan kempen kesedaran alam sekitar; (c) Untuk menyediakan dan menyebarkan bahan-bahan berkaitan pendidikan dan kesedaran alam sekitar; (d) Untuk menyokong program pendidikan alam sekitar untuk kumpulan sasaran yang berkaitan; dan (e) Untuk mengukuhkan rangkaian kerjasama dengan agensi-agensi dan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan.
(2) Untuk memastikan keberkesanan pusat-pusat sejadi dalam memupuk dan mewujudkan kesedaran awam.	(a) Untuk mengenal pasti kawasan hutan baharu untuk dibangunkan sebagai pusat sejadi; (b) Untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran interpretasi; dan (c) Untuk meningkatkan kemudahan yang sedia ada di pusat- pusat sejadi.





TERAS2

PERLINDUNGAN BIODIVERSITI DAN PERKHIDMATAN ALAM SEKITAR

OBJEKTIF 1:
Untuk memperuntukkan kawasan yang mencukupi sebagai Kawasan Dilindungi Sepenuhnya (TPA) untuk perkhidmatan alam sekitar.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk memastikan kawasan TPA adalah mencukupi untuk perlindungan dan peningkatan perkhidmatan alam sekitar.	(a) Untuk mengenal pasti hutan simpan yang sesuai dikelaskan semula sebagai TPA; (b) Untuk mengenal pasti kawasan hutan yang berpotensi untuk diwartakan sebagai TPA; dan (c) Mempunyai tidak kurang dari 30% dari luas kawasan negeri Sabah sebagai TPA menjelang tahun 2025.

OBJEKTIF 2:
Untuk memastikan semua jenis hutan, ekosistem dan biodiversitinya adalah diwakili secukupnya dan dilindungi.


STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk mewujudkan dan menentukan status konservasi bagi semua jenis hutan dan biodiversitinya.	(a) Untuk mengenal pasti dan memetakan jenis hutan di dalam kawasan hutan simpan; (b) Untuk melindungi flora dan fauna yang jarang ditemui dan terancam; (c) Untuk mendokumenkan biodiversiti untuk semua jenis hutan; (d) Untuk memastikan perancangan pengurusan hutan mengambil kira kesalinghubungan kawasan yang dilindungi; dan (e) Untuk mengenal pasti dan memulihara ekosistem hutan terancam berdasarkan <i>Managed Retention Policy</i> ke arah mencapai <i>No Net Loss/No Net Gain</i> (NNL/NNG).

OBJEKTIF 3:
Memastikan semua kawasan hutan terosot dipulihkan bagi meningkatkan fungsi-fungsi ekologi hutan tersebut.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk mengenalpasti kawasan hutan terosot yang perlu dipulihkan.	(a) Untuk merangka dan melaksanakan pelan restorasi untuk kawasan hutan terosot; (b) Untuk memantau keberkesanan aktiviti restorasi; dan (c) Untuk memetakan dan merekodkan kawasan hutan yang dipulihkan.

OBJEKTIF 4:
Untuk mengurangkan impak aktiviti pengurusan hutan terhadap perkhidmatan alam sekitar.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk melaksanakan amalan pengurusan terbaik dalam operasi peneuaian.	(a) Untuk memastikan garis panduan RIL ditambah baik; (b) Untuk mengenal pasti dan melindungi kawasan Bernilai Konservasi Tinggi (HCV) di dalam hutan simpan; (c) Untuk mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk aktiviti pengurusan hutan yang berkaitan; dan (d) Untuk meneroka penggunaan teknologi baharu peneuaian berimpak rendah.



TERAS

3

PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN,
PENGGOMERSIALAN DAN INOVASI (RDC&I)

OBJEKTIF 1:
Untuk memperkasakan program penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (RDC&I) dalam menyokong pengurusan hutan.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk memastikan pelaksanaan dasar perhutanan disokong oleh penyelidikan saintifik.	(a) Untuk mengenal pasti dan menyediakan program penyelidikan yang berkaitan untuk menyokong pelaksanaan SFM; (b) Untuk melibatkan sektor swasta dalam RDC&I; (c) Untuk membangunkan kerjasama penyelidikan dengan sektor swasta; (d) Untuk menerbitkan dan menyebarkan hasil penyelidikan; (e) Untuk mempatenkan dan mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan; dan (f) Untuk melibatkan diri dalam kajian saintifik di peringkat tempatan dan antarabangsa.

OBJEKTIF 2:
Untuk meneroka dan mengapikasi penggunaan teknologi dan inovasi yang baharu.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk menggunakan teknologi dan inovasi yang sesuai bagi meningkatkan kecekapan pengurusan.	(a) Untuk membangunkan, meningkatkan dan menggunakan secara berterusan teknik pengurusan hutan terbaik bagi mengurangkan kesan buruk kepada persekitaran hutan; (b) Untuk menggunakan teknologi Sistem Maklumat Geografi dan Remote Sensing yang terkini; dan (c) Untuk mengoptimumkan penggunaan peralatan dan perisian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang terkini.



Rainforest Discovery Centre (RDC), Hutan Simpan Kabili Sepilok, Sabah
Sumber: SFD

TERAS4

KESEJAHTERAAN EKONOMI

OBJEKTIF 1:
Untuk memastikan industri berasaskan kayu yang mampan dan berdaya maju.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk memperbaiki produktiviti hutan asli untuk pengeluaran kayu secara mampan.	(a) Untuk memperkasakan aktiviti rawatan dan pemulihan hutan (TSI); (b) Untuk meningkatkan penggunaan spesies pokok tempatan yang cepat tumbuh; dan (c) Untuk meneroka insentif baharu untuk pemulihan hutan.
(2) Untuk menggalakkan dan mengukuhkan pembangunan ladang hutan untuk menjamin bekalan sumber kayu yang mampan.	(a) Untuk menyediakan insentif kewangan dan pelepasan cukai untuk penubuhan ladang hutan; (b) Untuk memperuntukkan kawasan yang mencukupi untuk penubuhan ladang hutan; (c) Untuk menentukan kesesuaian tapak bagi pelbagai spesies ladang hutan; (d) Untuk mengawal serangga perosak dan penyakit di ladang hutan; (e) Untuk memperbaharui teknologi penubuhan ladang hutan; (f) Untuk mensijilkan kawasan ladang hutan dengan mana-mana skim pensijilan hutan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa; dan (g) Untuk memberi penekanan terhadap kesesuaian kawasan tanaman dengan spesies yang digunakan.
(3) Untuk mengoptimumkan dan meningkatkan penggunaan bahan-bahan mentah.	(a) Untuk menggalakkan integrasi mendatar pengeluar kayu ke arah penghasilan produk bernilai tambah tinggi; (b) Untuk menggalakkan penggunaan teknologi hijau di dalam industri berasaskan kayu; dan (c) Untuk mewujudkan penjenamaan unik produk kayu yang dihasilkan selaras dengan tadbir urus hutan yang baik.
(4) Untuk menstruktur semula industri berasaskan kayu berdasarkan kelebihan berbanding (<i>comparative advantage</i>).	(a) Untuk menggalakkan integrasi mendatar pengeluar kayu ke arah penghasilan produk bernilai tambah tinggi; (b) Untuk menggalakkan penggunaan teknologi hijau di dalam industri berasaskan kayu; dan (c) Untuk mewujudkan penjenamaan unik produk kayu yang dihasilkan selaras dengan tadbir urus hutan yang baik.

OBJEKTIF 2:
Untuk mengoptimumkan hasil sewaan hutan (forest rent) dari hutan asli dan ladang hutan.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk memaksimumkan kutipan hasil sewaan hutan kepada Kerajaan.	(a) Untuk mengkaji dan menilai secara berterusan struktur sewaan hutan selari dengan kuasa pasaran; dan (b) Untuk meneroka sumber-sumber berpotensi menjana pendapatan yang boleh diperolehi dari produk kayu dan produk bukan kayu.

OBJEKTIF 3:
Untuk mengkaji potensi Bayaran Perkhidmatan Ekosistem (PES) untuk menjana pendapatan.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk membangunkan skim PES negeri.	(a) Untuk mengenal pasti peluang untuk PES; (b) Untuk membangun kerangka institusi bagi menyokong PES; (c) Untuk menggubal undang-undang berkaitan PES; (d) Untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan PES; dan (e) Untuk meningkatkan pemasaran PES.

OBJEKTIF 4:
Untuk meneroka sumber-sumber pendapatan alternatif dari Hasil Hutan Bukan Kayu (NTFP).

STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk mengoptimumkan penggunaan NTFP.	(a) Untuk mengenal pasti spesies hutan yang mempunyai potensi nilai komersial; (b) Untuk membangunkan teknologi untuk mengkomersialkan NTFP; dan (c) Untuk meneroka potensi pasaran untuk NTFP.

OBJEKTIF 5:
Untuk mempromosi rekreasi hutan dan pelancongan berasaskan alam semulajadi.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk mengoptimumkan penjanaan pendapatan daripada aktiviti rekreasi hutan dan pelancongan berasaskan alam semula jadi.	(a) Untuk mengenal pasti dan membangunkan kawasan yang berpotensi untuk rekreasi hutan dan pelancongan berasaskan alam semula jadi selaras dengan dasar pembangunan pelancongan negeri; (b) Untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan rekreasi hutan dan pelancongan berasaskan alam semula jadi; (c) Untuk menggalakkan penglibatan masyarakat tempatan dalam rekreasi hutan dan pelancongan berasaskan alam semula jadi; (d) Untuk memperkasakan promosi pemasaran untuk produk rekreasi hutan dan pelancongan berasaskan alam semula jadi; dan (e) Untuk menyediakan akses ke kawasan-kawasan utama rekreasi hutan dan pelancongan berasaskan alam semula jadi.

OBJEKTIF 6:
Untuk memajukan Sabah ke arah memperoleh pembayaran berkaitan karbon dan perubahan iklim.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk meneroka kebolehlaksanaan projek karbon, inisiatif REDD Plus dan perubahan iklim bagi menjana pendapatan untuk kerajaan.	(a) Untuk meningkatkan pembangunan struktur polisi berkaitan karbon, REDD Plus dan perubahan iklim; (b) Untuk membangunkan mekanisme dan kerangka institusi untuk menyokong pelaksanaan projek karbon, program REDD Plus dan perubahan iklim; (c) Untuk menambah baik undang-undang berkaitan REDD Plus; (d) Untuk menyediakan perlindungan alam sekitar dan sosial yang komprehensif berkaitan dengan projek karbon, REDD Plus dan perubahan iklim; (e) Menyediakan prosedur akses dan perkongsian faedah berkaitan pembayaran projek karbon, REDD Plus dan perubahan iklim; (f) Untuk mewujudkan sistem pemantauan hutan Sabah sebagai sebahagian dari Pemantauan, Pelaporan dan Verifikasi (MRV) berkaitan dengan projek karbon, REDD Plus dan perubahan iklim; dan (g) Untuk mengenal pasti kaedah pembayaran berkaitan projek karbon, REDD Plus dan perubahan iklim.



Nipah, Hutan Simpan Sungai Gologob, Kota Kinabatangan, Sabah
Sumber: SFD

TERAS5

KESEJAHTERAAN SOSIAL

OBJEKTIF 1:
Untuk memperkukuhkan penglibatan masyarakat tempatan dalam pelaksanaan aktiviti pengurusan hutan.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk mengiktiraf penglibatan masyarakat di dalam aktiviti pengurusan hutan.	(a) Untuk mengadakan sesi konsultasi dan dialog secara berkala dengan masyarakat tempatan; (b) Untuk memberi keutamaan peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan; (c) Untuk memberi keutamaan peluang mendapatkan kontrak perkhidmatan yang berkaitan dengan operasi perhutanan kepada masyarakat tempatan; (d) Untuk mengukuhkan pendekatan mesra rakyat di dalam proses membuat keputusan dan perancangan pengurusan hutan; dan (e) Untuk menginstitusikan penilaian impak sosial terhadap pelaksanaan aktiviti pengurusan hutan.
(2) Untuk menggalakkan penyertaan Anak Negeri di dalam industri perhutanan.	(a) Untuk menggalakkan penyertaan usahawan Anak Negeri di dalam industri perhutanan; dan (b) Untuk membantu usahawan Anak Negeri di dalam perkara yang berkaitan dengan pengurusan industri perhutanan dengan menyediakan insentif dan mekanisme yang sesuai.



Sepilok Laut, Sabah
Sumber: SFD

TERAS

6

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

OBJEKTIF 1:

Untuk mengukuhkan kemahiran dan kecekapan sumber manusia di semua peringkat melalui pembangunan kapasiti yang berterusan.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk memastikan program latihan dibangunkan dan dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan sumber manusia.	(a) Untuk membangun modul latihan bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan di semua peringkat; (b) Untuk memastikan program latihan seiring dengan kemajuan pengetahuan dan teknologi; dan (c) Untuk memastikan semua program latihan perhutanan memenuhi piawaian kemahiran pekerjaan.

OBJEKTIF 2:

Untuk mengukuhkan struktur organisasi bagi menyokong kecekapan dan inovasi dalam pentadbiran dan pengurusan.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk menilai secara berkala struktur organisasi dan keperluannya.	(a) Untuk mengoptimumkan potensi keupayaan sumber manusia; (b) Untuk memberikan perhatian terhadap pembangunan kerjaya sumber manusia; (c) Untuk memberi insentif kepada idea-idea baharu dan inovasi; (d) Untuk memperkukuhkan pelaksanaan Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (OHSM); dan (e) Untuk memperkukuhkan perancangan proses peralihan bagi menjamin kecekapan organisasi.

TERAS

7

KERJASAMA DAN OBLIGASI PERINGKAT NEGERI, NASIONAL DAN ANTARABANGSA

OBJEKTIF 1:
Untuk mematuhi undang-undang negeri, undang-undang persekutuan dan konvensyen antarabangsa yang mengikat.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk memastikan pematuhan terhadap undang- undang negeri, undang-undang persekutuan dan konvensyen antarabangsa yang mengikat.	(a) Untuk mewujudkan kesedaran awam dan meningkatkan pemahaman mengenai undang-undang negeri, undang-undang persekutuan dan konvensyen antarabangsa yang mengikat; (b) Untuk memastikan perancangan pengurusan hutan adalah selaras dengan undang-undang negeri, undang-undang persekutuan dan konvensyen antarabangsa yang mengikat; dan (c) Untuk menggubal dan melaksanakan program pembangunan kapasiti yang berterusan untuk menyokong perundingan dan obligasi terhadap perjanjian antarabangsa.

OBJEKTIF 2:
Untuk menggalakkan kolaborasi di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa dalam sektor perhutanan untuk faedah bersama.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN
(1) Untuk mengukuhkan kolaborasi di peringkat nasional dan antarabangsa dalam sektor pehutanan.	(a) Untuk menginstitusikan dan menggalakkan ketelusan dalam pelaksanaan pengurusan hutan mampan; (b) Untuk mengukuhkan rangkaian kerjasama dengan pelbagai pihak yang berkepentingan berkaitan melalui penyertaan di dalam forum peringkat negeri, nasional dan antarabangsa; dan (c) Untuk mengenal pasti, memulakan dan melaksanakan projek yang sesuai untuk perkongsian kerjasama.



Sepilok Laut, Sabah
Sumber: SFD



DASAR HUTAN SARAWAK

KENYATAAN DASAR

Dasar Hutan Sarawak merupakan kenyataan rasmi Kerajaan Negeri mengenai perhutanan dan isu-isu yang berkaitan dengannya bagi keperluan pengurusan hutan dan marin di Sarawak, yang merangkumi:

1. **Penyediaan kawasan hutan dan ekosistem marin yang mencukupi untuk manfaat generasi Sarawak masa kini dan akan datang bagi:**
 - Menjamin persekitaran dan iklim yang sihat untuk negeri; melindungi kesuburan tanah, dan pembekalan sumber air yang berterusan untuk keperluan domestik dan industri, pengairan dan tujuan am pertanian; dan pencegahan kerosakan akibat banjir dan hakisan di kawasan sungai dan tanah pertanian;
 - Membekal sumber hutan secara berterusan untuk kepentingan ekonomi, pertanian, perikanan darat, domestik dan industri lain; dan
 - Mengekal dan memelihara ekosistem marin untuk kepentingan ekonomi, perikanan, domestik dan industri yang berkaitan dengan perhutanan.
2. **Pengurusan kawasan *Permanent Forest Estate* (PFE) untuk kepentingan ekonomi, sosial dan alam sekitar selaras dengan prinsip-prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (SFM).**
3. **Penekanan terhadap pengurusan hutan secara baik bagi kawasan tanah kerajaan dan tanah berhakmilik.**
4. **Pengeluaran sumber hutan secara lestari untuk keperluan pasaran domestik dan eksport.**

OBJEKTIF DASAR

- 1** Mengekal keluasan PFE, kawasan terlindung sepenuhnya (TPA) dan litupan hutan melalui tadbir urus dan perancangan yang lebih baik serta efisien;
- 2** Menambah keluasan PFE dan TPA negeri;
- 3** Memelihara dan mengurus PFE selaras dengan prinsip-prinsip pengurusan hutan secara berkekalan di samping mengoptimumkan sumbangannya terhadap pembangunan sosioekonomi negeri;
- 4** Memperkasa perundangan hutan dan penguatkuasaan bagi kelestarian dan konservasi sumber hutan;
- 5** Memelihara dan memulihara kepelbagaian biologi bagi mencegah kepupusan dan kemerosotan spesies, kehilangan ekosistem dan sumber genetik;
- 6** Memperkasa pengurusan sumber hutan melalui penyelidikan dan pembangunan;
- 7** Memupuk program perhutanan komuniti dan hutan bandar untuk kesejahteraan masyarakat melalui ekopelancongan, pembelajaran dan latihan;
- 8** Memulihkan kawasan hutan terosot melalui program penghutanan semula dan rehabilitasi bagi meningkatkan kawasan litupan hutan dan pokok;
- 9** Merasional dan memperkasa pembangunan industri berasaskan kayu;
- 10** Mengoptimum aplikasi teknologi terkini dalam mempertingkatkan keberkesanan pengurusan hutan;
- 11** Berusaha memenuhi tanggungjawab di bawah perjanjian dan konvesyen antarabangsa;
- 12** Mengukuh kerjasama nasional dan antarabangsa mengenai pemindahan pengetahuan dan teknologi dalam bidang perhutanan; dan
- 13** Membangun dan memperkasa sumber manusia dan kewangan dalam pengurusan hutan secara berkekalan.





Gunung Murud, Tanah Tinggi Kelabit, Sarawak
Sumber: FDS

TERAS 1 PENGEKALAN SUMBER HUTAN

Penubuhan dan konservasi kawasan hutan serta sumbernya perlu terjamin bagi memastikan sumbangan yang optimum terhadap pembangunan sosioekonomi, kestabilan alam sekitar dan kesejahteraan hidup rakyat Sarawak. Sumber ini dapat dimanfaatkan secara berterusan untuk generasi masa kini dan akan datang.

STRATEGI 1:

Penubuhan, Pemeliharaan dan Perlindungan Kawasan PFE, TPA dan Kawasan Hutan Lain

Kawasan hutan dan litupan hutan perlu dipelihara, diurus dan dibangunkan selaras dengan komitmen Kerajaan Negeri terhadap kawasan PFE dan TPA. Kawasan PFE adalah berperanan sebagai hutan pengeluaran manakala kawasan TPA adalah untuk konservasi dan perlindungan hutan serta hidupan liar. Kawasan hutan lain akan diurus untuk tujuan kesejahteraan alam sekitar.

PELAN TINDAKAN

- (a) Mengenal pasti dan mewartakan kawasan-kawasan hutan sebagai PFE dan TPA;
- (b) Memperkasakan tadbir urus PFE, TPA dan kawasan hutan lain;
- (c) Mengekalkan kawasan PFE yang sedia ada dan menggantikan kawasan PFE yang telah dikeluarkan atau dimansuhkan; dan
- (d) Meningkatkan keluasan kawasan hutan dan litupan pokok.

STRATEGI 2:

Pemeriksaan Tadbir Urus Hutan

PFE, TPA dan kawasan hutan dalam tanah Kerajaan Negeri hendaklah diurus secara bersistematik melalui tadbir urus yang baik bagi memastikan sumbangan yang optimum terhadap sosioekonomi dan kesejahteraan alam sekitar.

PELAN TINDAKAN

- (a) Menanda dan mengurus sempadan kawasan hutan dengan sempurna;
- (b) Memperkasakan pelaksanaan Pelan Pengurusan Hutan atau Pelan Pengusahaan Hutan bagi kawasan-kawasan lesen pembalakan; dan
- (c) Melaksanakan inventori sumber hutan serta penilaian stok dirian hutan.

STRATEGI 3:
Pemeriksaan Pengurusan Hutan di Kawasan Tadahan Air

Pengurusan dan konservasi hutan di kawasan tadahan air adalah penting bagi menjamin bekalan air bersih yang mencukupi untuk keperluan domestik dan komersial. Kawasan hutan ini juga berperanan untuk kestabilan alam sekitar, pemeliharaan dan konservasi kepelbagaian biologi serta kesejahteraan masyarakat.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Meningkatkan kerjasama strategik antara agensi yang berkaitan dalam mengurus, melindungi dan memantau kawasan tadahan air; dan
(b)	Melaksanakan amalan pengurusan hutan secara berkekalan melalui pembalakan berimpak rendah (RIL) dan garis panduan lain yang berkaitan.

STRATEGI 4:
Pemeriksaan Restorasi Landskap Hutan

Restorasi Landskap Hutan (RLH) bertindak sebagai jalan penyelesaian bagi kemusnahan dan kemerosotan hutan serta menyumbang kepada pembangunan lestari melalui nilai-nilai ekologi, sosial dan ekonomi serta fungsi landskap yang terosot. RLH bertindak sebagai komponen utama dalam memulihkan fungsi ekosistem di dalam landskap hutan supaya hutan dapat wujud dan hidup dalam mozek landskap bersama guna tanah lain, seterusnya menangani isu pencerobohan, pertikaian penduduk setempat dan pengurusan habitat spesies terancam.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Mengenal pasti, mengukur dan menilai peluang-peluang restorasi;
(b)	Melaksanakan restorasi dan rehabilitasi kawasan RLH yang didasarkan dengan menggunakan pelbagai pendekatan termasuk sistem hutan tani, tanaman mengaya dan lain-lain;
(c)	Menggalakkan penyertaan awam dalam program restorasi dan rehabilitasi; dan
(d)	Menyediakan syarat pemboleh bagi pelaksanaan RLH.



Periuk Kera (*Nepenthaceae* sp.)
Sumber: FDS

STRATEGI 5:
Pengiktirafan Amalan Pengurusan Terbaik Dalam Perhutanan

Keberkesanan amalan pengurusan hutan secara berkekalan bagi PFE perlu diukur melalui suatu penilaian yang telus dan bertanggungjawab. Amalan pengurusan hutan yang baik dapat diukur melalui pensijilan pengurusan hutan berpandukan piawaian antarabangsa.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Menguatkuasakan dasar amalan pensijilan pengurusan hutan;
(b)	Menyediakan syarat pemboleh bagi pelaksanaan pensijilan hutan; dan
(c)	Memperkukuhkan amalan terbaik dalam pengurusan hutan melalui kerjasama antarabangsa.



Wetlands, Sarawak
Sumber: FDS



TERAS

2

PENGUATKUASAAN PERUNDANGAN HUTAN

Aktiviti-aktiviti pencegahan dan penguatkuasaan perlu dilaksanakan secara cekap dan berkesan bagi menjamin perlindungan terhadap sumber hutan. Perundangan hutan sedia ada perlu dikemaskini selari dengan cabaran semasa bagi memastikan keberkesanan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan.

STRATEGI 1:

Pemeriksaan Perundangan Hutan

Semua ordinan, peraturan serta prosedur sedia ada perlu kerap dikaji semula bagi memastikan ia sejajar dengan cabaran dan perkembangan semasa.

PELAN TINDAKAN
(a) Mengukuhkan ordinan, peraturan dan kawalan berkaitan perhutanan;
(b) Meningkatkan keupayaan kakitangan dalam perundangan hutan; dan
(c) Meningkatkan kesedaran dan penyebaran berterusan mengenai perundangan terkini kepada pihak-pihak berkepentingan.

STRATEGI 2:

Peningkatan Kecekapan Penguatkuasaan Undang-Undang

Penguatkuasaan undang-undang hutan perlu dilaksanakan melalui latihan yang bersesuaian serta pemahaman terhadap ordinan, peraturan dan prosedur sedia ada. Keberkesanan operasi penguatkuasaan dapat ditingkatkan melalui kerjasama erat dengan semua pihak berkepentingan dan penggunaan teknologi maju.

PELAN TINDAKAN
(a) Memantapkan integriti pegawai-pegawai penguatkuasa;
(b) Memperkasa jawatankuasa koordinasi bagi membanteras pembalakan haram dan perdagangan haram hidupan liar;
(c) Menggubal dasar, strategi dan pelan tindakan bagi pelesen mewujudkan sendiri Unit Pematuhan;
(d) Melaksanakan pemantauan, pencegahan dan penyiasatan secara cekap dan berkesan;
(e) Memperkukuh penguatkuasaan dalam sistem kutipan hasil;
(f) Memantapkan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain; dan
(g) Melengkapkan pegawai dengan pengetahuan dan kemahiran yang komprehensif dalam penguatkuasaan.

TERAS3

KONSERVASI HUTAN DAN HIDUPAN LIAR

Perancangan guna tanah hutan dan habitat marin yang cekap dan berkesan adalah penting bagi melindungi serta memulihara hutan dan hidupan liar. Hutan dan hidupan liar ini adalah warisan negeri yang sangat berharga dan perlu diurus serta dipulihara untuk manfaat generasi masa kini dan akan datang. Keseimbangan antara pemuliharaan alam semula jadi dan pembangunan memerlukan perancangan bersepadu, tindakan pengurusan dan pemantauan yang berterusan.

STRATEGI 1:

Pemerkasaan Pelan Konservasi

Kejayaan dan keberkesanan pengurusan bersepadu hutan dan habitat hidupan liar perlu disokong dengan pelan konservasi yang komprehensif. Pengurusan konservasi hidupan liar termasuk spesies endemik dan terancam perlu dilaksanakan dengan cekap dan sistematik.

PELAN TINDAKAN
(a) Membangunkan pelan strategik konservasi dan pengurusan hidupan liar;
(b) Mengenal pasti kawasan kepelbagaian biologi yang tinggi untuk dijadikan sebagai kawasan konservasi;
(c) Memulihara spesies-spesies Sangat Terancam, Jarang Ditemui dan Terancam (ERT) serta habitatnya;
(d) Membangun dan melaksanakan program pemantauan spesies ERT dan TPA; dan
(e) Memperkasakan pengurusan strategik hidupan liar di dalam kawasan konsesi pembalakan.

STRATEGI 2:

Penubuhan Koridor Kawasan Terlindung

Pewujudan koridor kawasan terlindung adalah bagi mengurangkan tekanan terhadap habitat hidupan liar dan mengekalkan kelestarian kepelbagaian biologi. Hal ini termasuklah mewujudkan zon penamparan.

PELAN TINDAKAN
(a) Mengenal pasti, mewujudkan dan mengurus koridor yang menghubungkan kawasan terlindung termasuk kawasan Konservasi Bernilai Tinggi (HCV); dan
(b) Mewujudkan zon penamparan untuk setiap TPA dan kawasan HCV yang berkaitan.

STRATEGI 3:
Pengurusan Konflik Manusia Dan Hidupan Liar

Konflik antara manusia dan hidupan liar berlaku apabila terdapatnya interaksi antara hidupan liar dan manusia di dalam sesuatu kawasan yang mana mendatangkan kesan negatif terhadap manusia, sumbernya, hidupan liar atau habitatnya. Kepentingan habitat hidupan liar haruslah diberi keutamaan dalam perancangan dan pembangunan guna tanah.

PELAN TINDAKAN
(a) Menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan lebih berkesan;
(b) Meminda dan menggubal undang-undang dan peraturan yang berkaitan;
(c) Menubuh dan menaik taraf pusat menyelamatkan dan rehabilitasi hidupan liar;
(d) Mengurus, memantau dan mengawal kewujudan spesies hidupan liar yang asing dan invasif; dan
(e) Memperkasakan pengurusan strategik hidupan liar di dalam kawasan konsesi pembalakan.

STRATEGI 4:
Pengurusan dan Pembangunan TPA

TPA perlu diuruskan secara teratur bagi mengekal dan meningkat integritinya serta memastikan sumber hutan dilindungi. Pengurusan tersebut perlu merangkumi program-program pembangunan dengan penyertaan dan penglibatan daripada pihak-pihak berkepentingan setempat dalam pengurusan dan pemantauan TPA.

PELAN TINDAKAN
(a) Menyedia dan melaksana Pelan Pengurusan dan Pelan Operasi Tahunan bagi setiap TPA;
(b) Membangun dan menaik taraf kemudahan infrastruktur dan pusat interpretasi di dalam TPA;
(c) Menggalakkan penggunaan teknologi hijau bagi kemudahan infrastruktur di TPA;
(d) Meningkatkan kapasiti dan keupayaan <i>Special Park/Wildlife Comittee dan Honorary Wildlife Ranger</i> ; dan
(e) Mengukuhkan penyertaan dan penglibatan komuniti dalam pengurusan dan pemantauan TPA.

STRATEGI 5:
Pengurusan Hidupan Liar

Pengurusan hidupan liar yang komprehensif adalah diperlukan bagi memastikan kelestarian spesies hidupan liar di negeri ini. Hal ini hendaklah diterjemahkan ke dalam pelan bagi menambah baik *Wild Life Protection Ordinance* dan *Master Plan for Wildlife in Sarawak* yang sedia ada. Pada masa yang sama, pelan ini mestilah menyediakan peningkatan terhadap kemudahan dan kapasiti yang sedia ada.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Mengkaji semula dan menggubal undang-undang, peraturan dan prosedur berkaitan hidupan liar;
(b)	Mempromosi konservasi dan pematuhan undang-undang berkaitan hidupan liar;
(c)	Membangunkan kapasiti dalam biologi dan forensik hidupan liar; dan
(d)	Mewujudkan pusat menyelamatkan dan mengadakan program pemindahan spesies hidupan liar yang terjejas oleh pembangunan di sesuatu kawasan.



Bornean keeled pit viper (*Tropidolaemus subannulatus*)
Sumber: FDS



Bunga Anggerik (*Orchidaceae* sp.)
Sumber: FDS

TERAS 4 ➤ PENGURUSAN HASIL HUTAN

Sektor perhutanan merupakan salah satu penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi Sarawak. Perancangan, pengurusan dan pentadbiran berkaitan kutipan hasil hendaklah dijalankan secara telus dan sistematik. Bagi memaksimumkan hasil negeri, sumber pendapatan baharu yang berpotensi dari sektor perhutanan haruslah diterokai.

STRATEGI 1:

Pemeriksaan Kutipan Hasil

Mekanisme yang berkesan melalui pendekatan secara menyeluruh akan memastikan pengurangan ketirisan dan peningkatan kutipan hasil.

PELAN TINDAKAN

- (a) Melaksana taksiran hasil di dalam kawasan lesen pembalakan;
- (b) Melaksana program audit kutipan hasil yang cekap dan berkesan;
- (c) Menjalin kerjasama strategik antara agensi-agensi yang berkaitan untuk memastikan pemantauan dan kutipan hasil yang cekap; dan
- (d) Mengkaji semula dan menambah baik sistem kutipan hasil.

STRATEGI 2:

Mempelbagai dan Mengoptimumkan Hasil Hutan

Sumber pendapatan baharu perlu diteroka dan dipelbagaikan bagi menjamin kelangsungan dan peningkatan sumbangan sektor perhutanan dalam memacu ekonomi negeri. Di samping itu, sumber pendapatan sedia ada perlu dikaji semula selaras dengan perkembangan semasa. Selain itu, caj dan kadar sedia ada merangkumi royalty, premium dan cess serta sumber hasil baharu mestilah bersesuaian untuk tujuan pembangunan lestari industri perhutanan.

PELAN TINDAKAN

- (a) Mengkaji semula caj dan kadar sedia ada bagi produk dan perkhidmatan hutan;
- (b) Mengenal pasti sumber pendapatan baharu daripada sektor perhutanan; dan
- (c) Memperkasakan promosi dan pemasaran ekopelancongan berasaskan perhutanan.

TERAS5

PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN, INOVASI
DAN PENGKOMERSIALAN

Penyelidikan dan pembangunan (R&D) merupakan tunjang kepada perlaksanaan amalan SFM melalui penyelidikan yang bersistematik dan bersepadu dengan penggunaan teknologi terkini. Di samping itu, hasil penyelidikan yang berinovatif adalah berpotensi untuk dikomersialkan.

STRATEGI 1:
Pemeriksaan R&D dalam Pelaksanaan SFM

Program R&D dalam bidang perhutanan terus dipertingkatkan bagi memastikan pelaksanaan amalan SFM bagi hutan asli dan ladang hutan mencapai objektifnya.

PELAN TINDAKAN
(a) Menjalankan program penyelidikan di kawasan hutan pengeluaran;
(b) Mengaplikasikan hasil penyelidikan untuk tujuan SFM;
(c) Memantapkan jalinan kerjasama dalam penyelidikan dengan semua pihak yang berkaitan;
(d) Mempertingkatkan penyelidikan dan pembangunan bagi bahan tanaman yang bersesuaian untuk ladang hutan dan program restorasi;
(e) Menubuhkan nurseri dan kebun biji benih (<i>seed orchard</i>) bagi bahan tanaman berkualiti tinggi serta tahan penyakit dan perosak; dan
(F) Meningkatkan kerjasama dalam R&D bersama pemain industri.

STRATEGI 2:
Pemeriksaan R&D dalam Konservasi Kepelbagaian Biologi Hutan dan Marin

Penyelidikan dalam bidang perhutanan dan marin terus diperkasakan bagi menyumbang kepada pembangunan lestari negeri ini. Penyelidikan dalam aspek pemeliharaan dan konservasi kepelbagaian biologi hutan dan marin hendaklah dipelbagaikan dan dipertingkatkan secara menyeluruh.

PELAN TINDAKAN
(a) Meningkatkan kajian dan inventori sumber kepelbagaian biologi hutan dan marin;
(b) Mempertingkatkan penyelidikan pelbagai disiplin berkaitan sumber kepelbagaian biologi hutan dan marin; dan
(c) Menjalankan program konservasi hutan dan marin.

STRATEGI 3:
Pemerkasaan Pusat Informasi Bersepadu Flora dan Fauna

Dokumentasi secara komprehensif berkenaan sumber kepelbagaian biologi hutan perlu ditekankan dalam pelaksanaan SFM. Data dan maklumat perlu dikemas kini secara berterusan sebagai bahan rujukan kepada pelbagai agensi yang berkaitan.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Mengukuhkan sistem pengurusan pangkalan data bersepadu;
(b)	Mengintegrasikan maklumat dan hasil penyelidikan bagi menyokong pembangunan pengurusan hutan, ladang hutan dan hidupan liar; dan
(c)	Memperkasakan perkongsian data dan maklumat penyelidikan melalui kerjasama dengan institusi penyelidikan yang berkaitan.

STRATEGI 4:
Pengkomersialan Produk R&D

Pendekatan baharu dalam program penyelidikan perlu dirangka menerusi penyelidikan yang berinovatif, kreatif dan berdaya saing. Produk penyelidikan yang mempunyai nilai tambah dan memberi impak ekonomi yang tinggi menjadi fokus utama untuk dikomersialkan. Kerjasama dengan agensi penyelidikan yang lain terus diperluaskan bagi tujuan pemindahan teknologi dan maklumat.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Melaksanakan program R&D yang berpotensi untuk dikomersialkan;
(b)	Mengenal pasti potensi produk daripada pokok ladang hutan;
(c)	Melaksanakan penyelidikan berinovasi dalam menambah baik pembangunan pengurusan hutan, ladang hutan dan hidupan liar;
(d)	Mempertingkatkan keupayaan penyelidikan melalui perkongsian ilmu dan pembangunan modal insan;
(e)	Menggalakkan pendaftaran harta intelek (contoh: paten) hasil penyelidikan yang berpotensi untuk dikomersialkan; dan
(f)	Mempergiatkan kerjasama penyelidikan antarabangsa bagi pembangunan kapasiti penyelidikan.



Sarawak Planted Forest, Bintulu Sarawak

Sumber: FDS

TERAS

6

PEMBANGUNAN LADANG HUTAN

Penubuhan ladang hutan bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap sumber kayu dari hutan asli di samping menampung keperluan bahan mentah untuk industri-industri berasaskan kayu di Sarawak. Pembangunan kawasan ladang hutan turut merangkumi hasil hutan bukan kayu yang mempunyai nilai komersial bagi memenuhi permintaan pasaran.

STRATEGI 1:

Pemantapan Pembangunan Ladang Hutan

Ladang hutan sedia ada perlu diperkasa melalui pelaksanaan pelan tindakan yang komprehensif dan berkesan bagi memastikan objektif penubuhan ladang hutan tercapai. Keutamaan hendaklah diberikan kepada aspek pengurusan, pelaksanaan dan pemantauan.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Mengkaji semula dasar, undang-undang dan peraturan serta garis panduan sedia ada berkaitan ladang hutan;
(b)	Menanam pelbagai spesies kayu cepat tumbuh yang mempunyai hasil dan nilai komersial yang tinggi;
(c)	Melaksana dan menguatkuasakan amalan pengurusan terbaik bagi ladang hutan;
(d)	Menyediakan pelan tindak balas kecemasan untuk ladang hutan;
(e)	Menggalakkan penglibatan komuniti melalui penubuhan ladang hutan komuniti; dan
(f)	Memperkasa sistem pemantauan pembangunan ladang hutan melalui pelbagai mekanisme.



TERAS 7 ➤ INDUSTRI PERHUTANAN

Industri perhutanan merupakan salah satu penyumbang utama kepada pembangunan sosioekonomi di Sarawak. Oleh yang demikian, sumber hutan yang mencukupi dan berkekalan adalah penting bagi menjamin kelangsungan aktiviti hiliran. Ini merangkumi pembekalan bahan mentah berasaskan kayu dan bukan kayu.

STRATEGI 1:

Bekalan Balak yang Berterusan kepada Industri Perkayuan Tempatan

Bekalan sumber kayu balak yang berterusan sama ada dari hutan asli atau ladang hutan adalah penting untuk kelangsungan industri hiliran.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Mengawal dan memantau pengeluaran balak dari hutan asli dan ladang hutan selaras dengan kelestarian pengeluaran hutan dan keperluan industri;
(b)	Mengenal pasti sumber alternatif bekalan bahan mentah termasuk pengimportan; dan
(c)	Mengkaji semula dasar dan garis panduan berhubung dengan pengimportan bahan mentah berasaskan kayu.

STRATEGI 2:

Pembangunan Industri Berasaskan Hasil Hutan Bukan Kayu

Hasil hutan bukan kayu berpotensi menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri termasuk meningkatkan taraf hidup komuniti setempat. Produk ini perlu dikembang dan diterokai secara intensif melalui penyediaan pelbagai insentif kepada pihak-pihak berkepentingan.

PELAN TINDAKAN	
(a)	Menggalakkan penyertaan semua pihak dalam pembangunan industri hasil hutan bukan kayu;
(b)	Mewujudkan jalinan kerjasama dengan agensi dan pemain industri yang berkaitan bagi memantapkan pembangunan industri hasil hutan bukan kayu;
(c)	Menyediakan dasar dan garis panduan berkaitan industri hasil hutan bukan kayu; dan
(d)	Memantapkan promosi dan pemasaran hasil hutan bukan kayu.

TERAS8

PERHUTANAN SOSIAL DAN HUTAN BANDAR

Program perhutanan sosial berupaya memberi manfaat kepada masyarakat yang bergantung kepada hutan sebagai sumber kehidupan harian. Program hutan bandar pula membantu dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat di samping menyediakan kemudahan rekreasi dan menjadi *green lung* kepada kawasan bandar.

STRATEGI 1:

Pemerkasaan Perhutanan Sosial

Perhutanan sosial merupakan satu pendekatan pengurusan hutan yang penting bagi menjamin kesejahteraan masyarakat dan berupaya meningkatkan taraf hidup komuniti. Di samping itu, ianya dapat menyumbang kepada perlindungan, konservasi dan pengeluaran hutan.

PELAN TINDAKAN
(a) Memperkasa kerangka institusi dan fungsi perhutanan sosial;
(b) Menyedia, mengkaji dan menilai pelan jangka panjang penggunaan hutan komuniti bagi pembangunan sosioekonomi dan peningkatan keupayaan; dan
(c) Melaksana dan memantau program dan aktiviti perhutanan sosial dan pembangunan masyarakat.

STRATEGI 2:

Pemerkasaan Hutan Bandar

Perhutanan bandar memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kualiti hidup dan menyediakan kawasan rekreasi bagi masyarakat bandar di samping menjadi *green lung* kepada kawasan bandar. Kawasan ini juga menyumbang kepada peningkatan keluasan litupan hutan negeri.

PELAN TINDAKAN
(a) Menyediakan khidmat nasihat teknikal berkaitan program bandar hijau dan melaksanakan aktiviti hutan bandar;
(b) Mengenal pasti dan mewujudkan green lung di kawasan bandar; dan
(c) Merangka pelan pengurusan hutan bandar bersama pihak-pihak berkepentingan.

TERAS 9 ➤ APLIKASI TEKNOLOGI DALAM PENGURUSAN HUTAN

Penggunaan teknologi maju berupaya meningkatkan kecekapan dalam pengurusan, penyelidikan dan konservasi sumber hutan serta membantu dalam perancangan guna tanah yang lebih berkesan.

STRATEGI 1:

Pemanfaatan Keupayaan Teknologi Maju

Keupayaan mengaplikasi teknologi maju dalam perhutanan dapat menyediakan maklumat yang cepat dan tepat dalam perancangan guna tanah dan pengurusan hutan. Maklumat tersebut boleh diguna pakai oleh agensi-agensi yang berkaitan dalam membuat keputusan serta menyokong penyediaan program dan dasar perhutanan sama ada di peringkat negeri mahupun nasional.

PELAN TINDAKAN

- (a) Membangunkan sistem teknologi maju berkaitan perhutanan;
- (b) Mengaplikasi teknologi maju untuk aktiviti perhutanan yang lebih baik dan cekap melibatkan pengurusan dan perancangan; penguatkuasaan, kutipan hasil, penyelidikan dan konservasi; ladang hutan dan pemprosesan hasil hutan bukan kayu;
- (c) Mengukuhkan jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam aplikasi teknologi maju berkaitan perhutanan; dan
- (d) Mewujudkan pusat kawalan teknologi bersepadu.



Kulat
Sumber: FDS



Orkid (*Orchidaceae*)
Sumber: FDS



Commelinaceae sp.
Sumber: FDS

TERAS 10 ➤ HAL EHWAL ANTARABANGSA

Penglibatan aktif dalam isu-isu perhutanan amat penting bagi meningkatkan imej negeri dalam pengurusan sumber hutan secara berkekalan. Kerajaan Negeri komited dalam melaksanakan pelbagai obligasi dan merealisasikan perjanjian antarabangsa yang telah dimeterai. Kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa dalam bidang perhutanan membolehkan pemindahan dan perkongsian pengetahuan, kemahiran dan teknologi baharu.

STRATEGI 1:

Pelaksanaan Komitmen di bawah Perjanjian Antarabangsa

Kerajaan Negeri komited dalam melaksanakan obligasi dan perjanjian antarabangsa yang telah dipersetujui selaras dengan perlembagaan, dasar dan perundangan semasa.

PELAN TINDAKAN

- (a) Menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Perjanjian Antarabangsa peringkat negeri untuk mengkaji dan menilai isu-isu berkaitan perhutanan dan kepelbagaian biologi; dan
- (b) Merancang dan melaksanakan program berkaitan komitmen perjanjian antarabangsa.

STRATEGI 2:

Pengukuhan Kerjasama Antarabangsa Berkaitan Pengurusan Hutan dan Penyelidikan

Kerjasama antarabangsa dalam aspek pemeliharaan, konservasi dan pengurusan sumber hutan secara berkekalan adalah penting dalam meningkatkan pemerolehan dan mengadaptasi kepakaran daripada negara-negara lain. Ini bertujuan untuk melonjakkan reputasi pengurusan hutan negeri.

PELAN TINDAKAN

- (a) Menilai keberkesanan, faedah dan peluang kerjasama antarabangsa kepada Kerajaan Negeri;
- (b) Mengenal pasti aspek baharu dan keperluan bidang kerjasama serta mewujudkan projek kerjasama baharu termasuk memastikan dana adalah berterusan dan dibantu dengan sokongan lain;
- (c) Meningkatkan kerjasama dan perkongsian strategik dengan pihak-pihak berkepentingan; dan
- (d) Mengukuhkan pemantauan terhadap pematuan terma dan syarat dalam perjanjian kerjasama.

TERAS 11 ➤ KEWANGAN DAN SUMBER MANUSIA

Sumber manusia dan peruntukan kewangan yang mencukupi adalah penting bagi merealisasikan pelaksanaan pengurusan hutan secara cekap dan berkesan.

STRATEGI 1:

Pemantapan Sumber Kewangan

Pengurusan sumber kewangan secara berhemah adalah perlu bagi memastikan semua program dan aktiviti perhutanan dapat dilaksanakan dengan sempurna.

PELAN TINDAKAN

- (a) Mendapatkan sumber kewangan dalaman yang mencukupi;
- (b) Mengenal pasti dan mendapatkan sumber kewangan luar; dan
- (c) Mewujudkan dana khas bagi penguatkuasaan hutan.

STRATEGI 2:

Pemantapan Pembangunan Sumber Manusia

Sumber manusia yang cekap dan kompeten amat penting bagi memastikan kejayaan dalam pelaksanaan pengurusan hutan.

PELAN TINDAKAN

- (a) Mempertingkatkan keupayaan dan kapasiti sumber manusia dalam pelbagai aktiviti pengurusan hutan melalui latihan dan pendedahan yang bersesuaian; dan
- (b) Menerap nilai-nilai murni dalam pengurusan sumber manusia.



Gunung Pueh, Sarawak
Sumber: FDS



Batang Ai, Ulu Mujuk, Sungai Skrang, Sarawak
Sumber: FDS

TERAS12

KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN AWAM

Kesedaran mengenai kepentingan dan peranan hutan dan hidupan liar terus diperkembangkan melalui program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam. Perancangan dan pelaksanaan program tersebut melibatkan semua peringkat pihak-pihak berkepentingan termasuklah komuniti di Sarawak selaras dengan cabaran dan perkembangan semasa.

STRATEGI 1:

Pemeriksaan Program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam

Penglibatan pihak-pihak berkepentingan perlu ditingkatkan melalui pendidikan dan program kesedaran yang berterusan bagi memastikan kelestarian hutan dan hidupan liar. Program yang sedia ada perlu diperkasakan dan memberi lebih impak kepada pihak-pihak berkepentingan.

PELAN TINDAKAN
(a) Memperkasakan program komunikasi seperti dialog, konsultasi dan sebagainya bersama orang awam dan pihak-pihak berkepentingan;
(b) Melaksanakan program pendidikan dan kesedaran berkaitan kepentingan hutan dan perlindungan alam sekitar;
(c) Menggalakkan penglibatan berterusan badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan pemain industri perkayuan; dan
(d) Memperkasakan fungsi dan meningkatkan penglibatan <i>Special Park/Wildlife Comittee</i> dan <i>Honorary Wildlife Ranger</i> .





Taman Negara Batang Ai, Sarawak
Sumber: FDS





KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

Wisma Sumber Asli
No.25 Persiaran Perdana, Presint 4
62574 Putrajaya, Malaysia



+603 8000 8000



+603 8889 2672

www.ketsa.gov.my